



UNIVERSITI
MALAYSIA
KELANTAN



Laporan Tahunan 2012 Universiti Malaysia Kelantan





Transformative * Entrepreneurial * Excellence



MAKLUMAT KORPORAT

CANSELOR

PRO CANSELOR

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

LAPORAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

LAPORAN NAIB CANSELOR

PENGURUSAN TERTINGGI DAN SENAT UNIVERSITI

PEMBUDAYAAN NILAI KEUSAHAWANAN

HAL EHWAL AKADEMIK

PENYELIDIKAN, PERUNDINGAN DAN PENERBITAN

GOVERNANS DAN KEPIMPINAN

HAL EHWAL PELAJAR

KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN KECERIAAN UNIVERSITI

PERISTIWA

PUBLISITI DAN PROMOSI

PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN



MAKLUMAT KORPORAT

Universiti Malaysia Kelantan atau ringkasnya UMK merupakan Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) yang ke-19 dan telah diumumkan penubuhannya semasa pembentangan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMKe-9) pada 31 Mac 2006 oleh Perdana Menteri pada ketika itu, YAB. Dato' Seri Abdullah bin Ahmad Badawi. Ia kemudiannya diluluskan penubuhan dalam Mesyuarat Jemaah Menteri pada 14 Jun 2006 dan diperbadankan pada 1 September 2006.



UMK merupakan satu-satunya universiti penuh yang ditempatkan di Negeri Kelantan Darul Naim. Falsafah kurikulum pengajian di UMK adalah berteraskan kepada pendidikan keusahawanan (entrepreneurship education). Oleh itu, frasa rangsangan "*Entrepreneurial University*" dan "*Entrepreneurship is Our Thrust*" digunakan dengan meluas.

Bagi jangka masa pendek dan sederhana, empat (4) kelompok bidang teras diberi penekanan iaitu Agro Industri dan Sumber Asli, Keusahawanan dan Perniagaan, Teknologi Kreatif dan Warisan dan Perubatan Veterinar. Pada masa yang sama, penekanan juga diberi kepada kemahiran bahasa dan insaniah.

Program-program ini diwujudkan bagi melahirkan modal insan yang berkualiti tinggi dan bermanfaat untuk kesejahteraan global. Perhatian diberi kepada peningkatan keupayaan dan kemampuan perusahaan kecil dan sederhana (PKS) (*Capability and Capacity Building of SMEs*) dengan teknologi sebagai pengupaya dalam menggerakkan kejayaan.


LOGO & FALSAFAH

- Ianya melambangkan sebuah Universiti Malaysia terletak di Negeri Kelantan dengan penekanan kepada huruf "U", "M" dan "K".
- Rekabentuk logo melambangkan dinamik, pemikiran terbuka dan merentasi zaman.
- Tiada tempoh masa dalam proses pembelajaran atau pembelajaran sepanjang hayat (PSH) seperti dilambangkan oleh "*hourglass*".
- Melambangkan dua tangan memohon restu, bersyukur dan redha.
- Menggambarkan unsur "*chromosome*" yang kreatif dan dinamik serta kejadian alam (*a part of nature*)
- Warna "biru" untuk Malaysia, "merah" untuk Kelantan dan "pinang masak" untuk warisan.
- Penekanan kepada enam aspek utama iaitu:
 - » Keusahawanan
 - » Bahasa Ketiga
 - » ICT sebagai pengupaya
 - » Pembelajaran sepanjang hayat
 - » Modal insan berkualiti
 - » Keunikan dan relevan

VISI, MISI,
SLOGAN & OBJEKTIF



TERAS
STRATEGI
PEMBANGUNAN



VISI

Peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan bagi kesejahteraan global.

MISI

UMK menyediakan:

- Program akademik berkualiti dan relevan,
- Penyelidikan dan inovasi dengan nilai komersial tinggi,
- Perkhidmatan yang memenuhi tanggungjawab sosial,

Yang mampu meningkatkan daya saing dalam keusahawanan;

UMK sentiasa mengutamakan keperluan pelanggan dan memenuhi kehendak pasaran dengan menyediakan persekitaran kondusif;

Dan

Warga UMK berpengetahuan, berkemahiran dan komited mengamalkan budaya kerja profesional, mengurus secara partisipatif serta melaksanakan penambahbaikan berterusan.

SLOGAN

Transformative * Entrepreneurial * Excellence


OBJEKTIF

- 01 Menyediakan program pengajian dan latihan dengan memberi penekanan kepada pembudayaan keusahawanan dan pembangunan insaniah.
- 02 Membangun modal insan berkualiti yang menyumbang dengan efektif kepada pembangunan negara dan dimanfaatkan oleh masyarakat.
- 03 Memperkasakan keupayaan staf dalam aspek pembelajaran sepanjang hayat (PSH), penyelidikan dan inovasi, kepimpinan dan pengurusan.
- 04 Menerajui agenda pendidikan keusahawanan dalam pengajian tinggi.
- 05 Menyediakan infrastruktur yang kondusif dan sistem sokongan yang berkualiti sebagai asas kepada pembangunan universiti keusahawanan.
- 06 Menjadikan universiti relevan kepada masyarakat dan industri melalui keusahawanan masyarakat (*social entrepreneurship*).
- 07 Mengamalkan sistem tadbir urus dan pengurusan kewangan yang efektif serta berintegriti tinggi.

TERAS STRATEGI PEMBANGUNAN

- 01 Membangun dan mengantarabangsakan program pengajian serta akademik universiti;
- 02 Membudayakan penyelidikan, inovasi dan pengkomersilan;
- 03 Menyediakan sumber manusia yang berpengetahuan, kompeten dan berintegriti serta mengamalkan sistem pengurusan dan tadbir urus yang mantap;
- 04 Membangun infrastruktur yang menyokong falsafah pembangunan universiti keusahawanan;
- 05 Menyumbang kepada kesejahteraan masyarakat dan industri.

CARTA ORGANISASI



CANSELOR

**KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA
SULTAN MUHAMMAD V**

D.K., D.M.N., D.K. (Selangor), D.K. (Negeri Sembilan), D.K. (Johor) D.K. (Perak), D.K. (Perlis), D.K. (Kedah),
S.P.M.K., S.J.M.K., S.P.K.K., S.P.S.K.

SULTAN YANG DI-PERTUAN BAGI
NEGERI KELANTAN DARULNAIM DAN JAJAHAN TAKLUKNYA



PRO-CANSELOR

YANG TERAMAT MULIA

DR. TENGKU MUHAMMAD FA-IZ PETRA IBNI SULTAN ISMAIL PETRA

D.K., S.P.M.K.

TENGKU MAHKOTA KELANTAN





Y.BHG. TAN SRI DATO' SRI HAMAD
KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN

Pengerusi
Lembaga Pengarah Universiti

LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI

ALUAN
PENGERUSI
LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



Assalamualaikum dan salam hormat,

Saya mewakili seluruh Ahli Lembaga Pengarah ingin memanjatkan kesyukuran ke hadrat illahi kerana dengan kasih sayang dan rahmatnya maka penerbitan buku Laporan Tahunan 2012 dapat direalisasikan untuk rujukan semua pihak.

Menyorot kembali sepanjang tahun 2012, telah banyak perubahan serta pembaharuan yang berlaku di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) termasuk perubahan barisan kepimpinan universiti yang diketuai oleh Naib Canselor yang baru iaitu YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj Che Rose. Sebahagian besar perubahan yang dibuat

adalah bagi memastikan pembaharuan terus dilaksanakan ke arah mengukuh status sebagai sebuah Universiti Keusahawanan. Dalam aspek ini, UMK berterusan mengatur strategi untuk memastikan bahawa penubuhan universiti ini adalah relevan baik pada masa kini atau hadapan.



Di bawah kepimpinan Naib Canselor, struktur pentadbiran juga telah mengalami perubahan dengan diwujudkan pusat tanggungjawab baru iaitu Global Entrepreneur Research & Innovation Center (GERIC). Penubuhan pusat tanggungjawab ini bertujuan bagi terus memperkasa peranan UMK sebagai peneraju dalam bidang keusahawanan di peringkat pengajian tinggi negara. Misi penubuhan adalah untuk menjadi sebuah pusat kecemerlangan tinggi (HiCoE) dengan teras perkhidmatan di dalam bidang keusahawanan dan inovasi melalui transformasi penyelidikan dan ilmu kepada kesejahteraan masyarakat berdasarkan tiga (3) strategi yang berikut:

- Menyedia platform R&D, sumber kepakaran keusahawanan dan inovasi dalam membangunkan produk bagi tujuan pengkomersialan;
- Menjadi pusat kecemerlangan pendidikan bertaraf HiCoE (teras perkhidmatan); dan
- Menjadi pusat pembangunan keusahawanan dan inovasi untuk universiti dan negara melalui pendidikan, penyelidikan dan pemindahan teknologi.



UMK juga akan terus memperkukuhkan program pengajian sedia ada agar para pelajar mendapat pendekatan pembangunan keusahawanan yang lebih terancang, holistik dan berimpak tinggi.

Dalam tempah setahun tersebut juga, pelbagai pencapaian serta usaha ke arah penambahbaikan telah dilakar terutamanya dalam bidang penyelidikan dan inovasi. Pelantikan Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi & Keusahawanan) dengan sangat jelas dapat diyakini mampu dijadikan strategi yang ampuh di dalam UMK bagi memastikan bidang penyelidikan dan inovasi terus dari semasa ke semasa menunjukkan peningkatan serta kejayaan sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa.

Kepada semua staf universiti semoga terus bersama-sama merai kepelbagaian dengan semangat kerja berpasukan demi memastikan kestabilan dan masa depan lebih cerah. Di kesempatan ini saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua staf yang sama-sama mengembleng tenaga dan usaha menyumbang kepada pembangunan UMK secara langsung mahupun tidak langsung.

Akhir kata, semoga dengan adanya laporan tahunan ini akan menjadi bahan rujukan yang berguna kepada semua pihak.

Sekian, terima kasih.

TAN SRI DATO' SRI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN
Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti



01



02



05



06



07



03



04



08



09



10

PENGERUSI

01

Y.BHG. TAN SRI DATO' SERI HAMAD KAMA PIAH BIN CHE OTHMAN

Presiden dan Ketua Eksekutif Kumpulan, Permodalan Nasional Berhad

(1/5/2011 - 30/4/2013)

AHLI

02

Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN BIN HJ. CHE ROSE

Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan
(1/1/2012 - 31/12/2014)

03

Y.BHG. DATO' SRI DR. MOHD IRWAN SERIGAR BIN ABDULLAH

Ketua Setiausaha Kementerian Kewangan Malaysia

(1/11/2012 - 31/10/2014)

04

Y.BHG. DATO' SERI SETIA RAJA DATO' HJ. AISERI BIN ALIAS

Mantan Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan
(16/6/2011 - 15/6/2013)

05

Y.B. DATUK SR. HAJI MD ALWI BIN HJ. CHE AHMAD

ADUN Kok Lanas / Ahli Lembaga Juruukur Tanah Malaysia

(16/6/2011 - 15/6/2013)

06

Y.BHG. DATO' MOHAMMED BIN HUSSEIN

Pengerusi Bank Pembangunan Malaysia Berhad

(16/6/2011 - 15/6/2013)

07

Y.BHG. PUAN YASMIN BINTI MAHMOOD

Pengarah Eksekutif YTL Communication (Malaysia) Sdn. Bhd.

(16/6/2011 - 15/6/2013)

08

Y.BHG. DATO' MAHAMED BIN HUSSAIN

Setiausaha Bahagian Pembangunan Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia

(1/11/2012 - 31/10/2014)

09

Y.B. DATO' DR. HJ. ZAINUDDIN BIN HJ. IBRAHIM

Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan

(6/9/2012 - 5/9/2015)

SETIAUSAHA

10

Y.BHG. PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK

Pendaftar





LAPORAN LEMBAGA PENGARAH UNIVERSITI



Fungsi dan kuasa Lembaga yang diperuntukkan mengikut Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan P.U. (A) 462 adalah seperti berikut:

- Lembaga hendaklah menjadi badan yang mengelola, membuat dasar dan mengawasi universiti, dan boleh menjalankan segala kuasa yang diberikan kepada universiti kecuali setakat yang kuasa itu diberikan oleh Perlembagaan ini atau statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan kepada Pihak Berkuasa, badan atau kepada pegawai lain universiti.
- Tiada ketetapan boleh diluluskan oleh Lembaga berhubung dengan apa-apa perkara dalam kuasa Senat, tetapi Lembaga boleh menghantar pendapatnya kepada Senat mengenai apa-apa perkara dalam kuasa Senat, bagi pertimbangan Senat.
- Sebagai tambahan kepada fungsi dan kuasa di bawah subseksyen (1), Lembaga hendaklah:
 - » Mengadakan perancangan pengawasan yang strategik yang bercirikan pendidikan dan misi universiti;
 - » Menggalakkan pengurusan yang cekap dan berkesan dan mengadakan kajian semula yang menyeluruh mengenai operasi universiti;
 - » Membangunkan hubungan dengan masyarakat, sektor korporat dan industri;
 - » Memupuk hubungan global dan keantarabangsaan berhubung dengan pelajaran tinggi dan penyelidikan;
 - » Memastikan pelaksanaan Perlembagaan, undang-undang dan dasar universiti dan untuk memastikan bahawa tiap-tiap Pihak Berkuasa, Jawatankuasa, Pegawai atau jawatankuasa sentiasa bertindak menurut kuasanya dan bidang tugasnya.



JAWATANKUASA LEMBAGA

- 01 Lembaga boleh menubuhkan apa-apa jawatankuasa yang didapatinya perlu atau suai manfaat untuk membantunya dalam melaksanakan fungsinya.
- 02 Lembaga hendaklah memilih mana-mana ahlinya untuk menjadi pengerusi sesuatu jawatankuasa.
- 03 Lembaga boleh melantik mana-mana orang untuk menjadi ahli sesuatu jawatankuasa.
- 04 Seseorang ahli sesuatu jawatankuasa hendaklah memegang jawatan bagi apa-apa tempoh yang dinyatakan dalam surat cara pelantikannya dan layak untuk dilantik semula.
- 05 Pelantikan mana-mana ahli sesuatu jawatankuasa boleh pada bila-bila masa dibatalkan oleh Lembaga, dengan menyatakan sebab bagi pembatalan itu.
- 06 Lembaga boleh, pada bila-bila masa, memberhentikan atau mengubah keahlian sesuatu jawatankuasa.
- 07 Sesuatu jawatankuasa hendaklah tertakluk kepada, dan bertindak mengikut, apa-apa arahan yang diberikan kepadanya oleh Lembaga.

- 08 Mesyuarat sesuatu jawatankuasa hendaklah diadakan pada bila-bila masa dan di mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh pengerusi jawatankuasa.
- 09 Sesuatu jawatankuasa hendaklah menyebabkan:
 - minit semua mesyuaratnya disenggarakan dan disimpan dalam bentuk yang sepatutnya; dan
 - salinan minit semua mesyuaratnya dikemukakan kepada Lembaga secepat yang dapat dilaksanakan.
- 10 Sesuatu jawatankuasa boleh mengundang mana-mana orang untuk menghadiri mana-mana mesyuaratnya bagi maksud menasihatnya tentang apa-apa perkara yang sedang dibincangkan tetapi orang itu tidak berhak untuk mengundi pada mesyuarat itu.
- 11 Ahli sesuatu jawatankuasa atau mana-mana orang yang diundang di bawah subseksyen (11) boleh dibayar apa-apa elaun dan belanja lain yang ditentukan oleh Lembaga.
- 12 Sesuatu jawatankuasa yang ditubuhkan di bawah seksyen ini boleh mengawal selia tataranya sendiri.



Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN
BIN HJ. CHE ROSE

Naib Canselor
Universiti Malaysia Kelantan

LAPORAN NAIB CANSELOR

Bismillahirrahmanirrahim.

Assalamualaikum WBT, Salam Sejahtera dan Salam 1 Malaysia.

Setengah dekad yang lalu, universiti ini lahir hanya dari sebuah idea & sebuah cita-cita dan kini ianya sudah menjadi sebuah universiti yang mula menempa nama dalam bidang keusahawanan akademik.





Dari sebuah kampus sementara, yang bergelumang dan bersempit-sempitan, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kini beroperasi sepenuhnya di tiga buah daerah iaitu Kota Bharu, Bachok dan juga Jeli. UMK menyambut ulangtahunnya yang ke-5 pada tahun 2012. Tahun ini juga merupakan “era transformasi” buat UMK. Di fasa pembangunan kedua ini, usaha-usaha masih diteruskan untuk memantap dan membangunkan aset-aset universiti seperti; staf akademik dan bukan akademik, infrastruktur, pengukuhan dan penambahan program akademik serta pemajuan pelajar.

Pada masa yang sama, agenda untuk membangunkan UMK sebagai sebuah universiti komprehensif berfokus (keusahawanan) yang unik diteruskan dengan strategik. Menyedari kedudukan itu, pihak pengurusan universiti telah berusaha untuk meningkatkan prestasi keseluruhan universiti dan mengatur langkah strategik bagi memastikan ianya berdaya saing bagi mengharungi arus globalisasi pendidikan tinggi yang kian mencabar.

UMK tidak lagi boleh dianggap sebagai universiti baharu kerana ianya juga perlu memikul tanggungjawab dan memainkan peranan utama dalam memacu pembangunan serta hala tuju pendidikan tinggi di negara ini terutamanya dalam bidang pendidikan keusahawanan. Negara menyandarkan harapan tinggi supaya universiti ini mampu memenuhi KPI yang telah ditetapkan dalam mendokong aspirasi untuk menjadikan Malaysia sebuah negara maju dan berdaya saing menjelang tahun 2020.

Saya sedar perjalanan kita masih jauh, namun saya percaya bahawa dengan usaha, perancangan dan strategi yang betul, UMK akan mampu untuk berdiri sama tinggi dan duduk sama rendah dengan Institusi-Institusi Pengajian Tinggi Awam (IPTA) di negara ini, malah dengan institusi pengajian tinggi lain diperingkat antarabangsa sekalipun. Strategi PEARL yang diperkenalkan pada tahun ini, sedikit demi sedikit akan membawa UMK ke satu tahap yang lebih cemerlang sekiranya perancangan dan strategi dilaksanakan secara holistik dan teratur.



PENUBUHAN PUSAT KECEMERLANGAN (HICOE)

Selari dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN), UMK akan terus mempertingkatkan dan memperkasakan keupayaannya bagi memenuhi tujuh teras utama dan dua puluh tiga *Critical Agenda Programs* (CAPs) yang telah ditetapkan. Apa yang pasti, objektif yang paling utama adalah untuk menerajui agenda keusahawanan negara dan antara usaha-usaha yang telah dijalankan pada tahun ini adalah penubuhan *Global Entrepreneurship, Research & Innovation Center* (GERIC) yang telah dirasmikan oleh YB. Menteri Pengajian Tinggi Malaysia.

GERIC adalah sebuah pusat kecemerlangan penyelidikan bertaraf HICoE yang menjurus kepada aktiviti penyelidikan, pembangunan, pengkomersialan hasil inovasi serta pemindahan teknologi berteraskan keusahawanan untuk masyarakat dan juga negara. UMK sesungguhnya amat berterima kasih kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM) yang menyokong penuh penubuhan GERIC ini dan dana yang telah disalurkan oleh pihak kerajaan telah dimanfaatkan sebaik-baiknya dalam semua aktiviti yang telah dan akan dilaksanakan oleh pusat ini.

Selain GERIC, UMK telah mewujudkan satu lagi pusat kecemerlangan akademik dalam memantapkan lagi program pascasiswazahnya iaitu penubuhan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) pada awal tahun 2012. Langkah ini telah memperlihatkan peningkatan pesat dalam jumlah pelajar pengajian peringkat Sarjana dan PhD. Pada sesi 2011/2012 yang lalu, seramai 331 orang pelajar bidang Sarjana dan Doktor Falsafah yang sedang mengikuti pengajian peringkat pasca siswazah secara mode penyelidikan. Pusat ini juga menawarkan program Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) di UMK Kampus Kota dan Pusat Kecemerlangan GERIC di Kuala Lumpur secara separuh dan juga sepenuh masa. Semenjak kursus ini dibuka pertengahan tahun lalu, ianya sudah berjaya menarik seramai 96 orang pelajar yang mengikuti pengajian di kedua-dua kampus.

KERJASAMA STRATEGIK

Selain itu, melalui strategi PEARL ini juga, kita telah berjaya menjalinkan kerjasama strategik bersama beberapa institusi-institusi antarabangsa seperti Australian Institute of Management Western Australia (AIM WA) dengan mewujudkan Program Pembangunan Eksekutif (EDP) dan e-MBA yang pertama seumpamanya di rantau ini.

UMK adalah rakan kongsi pertama AIM WA di negara ini dan UMK dipilih bukan berdasarkan usia 'mudanya' tetapi diyakini mempunyai pasukan yang hebat dengan wawasan global dan pemikiran inovatif sama seperti ciri-ciri yang dimiliki AIM WA. Apa yang diharapkan ialah, melalui kerjasama ini, UMK akan dapat menarik minat lebih ramai pelajar antarabangsa untuk mengikuti pengajian e-MBA ini dan secara tidak langsung, ianya akan membantu meningkatkan lagi peratusan pelajar antarabangsa universiti, disamping melonjakkan kedudukan UMK sebagai 'universiti pilihan' diperingkat global.

Antara kerjasama strategik yang lain adalah dengan institut pengajian keusahawanan no.1 di dunia iaitu Babson College, Amerika Syarikat. Selari dengan hasrat UMK untuk menjadi sebuah universiti keusahawanan bertaraf dunia, maka

kerjasama strategik ini adalah tepat pada masanya di mana kepakaran dan pengalaman yang ada pada Babson College boleh dijadikan sebagai model dan kerangka contoh bagi UMK mengorak langkah menjadi sebuah institusi pendidikan keusahawanan 'pilihan' di rantau ini, malah juga di dunia. Antara program berimpak tinggi yang telah di dianjurkan bersama Babson College adalah *"The Babson-Research Leadership Think Tank Series: Building Capacity by Development of Programme Module for Trainers"*, di mana objektif program ini adalah untuk melatih dan meningkatkan lagi kepakaran para academia UMK dalam bidang penyelidikan setanding dengan para penyelidik di peringkat global.

Perancangan UMK pada tahun 2013 ialah untuk menjadi ahli dalam Global Consortium Entrepreneurship Education (GCEE) yang ditubuhkan oleh Babson College, di mana ianya akan membolehkan UMK memperolehi pelbagai kelebihan dan kemudahan terutamanya dalam bidang keusahawanan akademik. Ini merupakan satu peluang yang sangat baik kerana ianya jarang diberikan kepada IPT lain terutamanya di Malaysia, menjadikan UMK sebagai satu-satunya universiti di negara ini yang mendapat pengiktirafan ini.

SUMBER MANUSIA

Tahun ini juga UMK rancang dalam memantapkan kapasiti sumber manusia terutamanya tenaga akademik bagi mengimbangi jumlah enrolmen pelajar untuk sesi pengajian 2011/2012. Penambahan tenaga akademik yang pakar dan profesional akan membantu meningkatkan lagi kualiti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan dan perundingan di universiti.

Pada tahun ini sahaja, kita telah berjaya menarik seramai lebih daripada 28 profesor daripada pelbagai bidang bagi tujuan tersebut dan jumlah ini juga telah meletakkan UMK sebagai salah sebuah IPTA yang mempunyai jumlah tenaga pakar yang paling ramai walaupun ianya antara universiti

yang termuda di negara ini. Peningkatan bilangan tenaga kerja profesional ini juga menunjukkan bahawa, UMK kini mula dikenali dan mendapat tempat di kalangan para akademia terkemuka dalam & juga luar negara.

PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR

Pembangunan fizikal universiti secara keseluruhan memperlihatkan kemajuan terutamanya dalam peningkatan kemudahan penginapan kepada pelajar di Kampus UMK Bachok dan Jeli.

Kemudahan asrama yang dijangka siap pada suku pertama tahun 2013 akan berupaya menampung seramai lebih kurang 2,000 orang pelajar pada setiap kampus. Dengan adanya kedua-dua asrama baru yang diperbuat menggunakan teknologi *Industrialize Building System* (IBS) ini, UMK akan mampu menampung pengambilan pelajar seramai 800 – 1,200 orang, terutamanya untuk sesi pengambilan September 2013 /2014 yang akan datang. Projek infrastruktur lain juga seperti dewan dan bilik kuliah, makmal, bilik pensyarah akan di tambah melalui projek-projek *Private Finance Initiative* (PFI) bagi memenuhi keperluan pembangunan universiti dan membantu menampung jumlah staf dan pelajar yang kian meningkat.

Bagi mencipta satu kelainan kepada suasana kampus UMK dan mengenengahkan salah satu keunikan teras pengajian UMK seperti Pengajian Warisan, UMK kini sedang giat membina empat buah teniat yang bercirikan ukiran dan rekabentuk rumah tradisional Kelantan. Pembinaan yang bermula pada pertengahan tahun lalu dijangka siap sepenuhnya pada suku tahun hadapan. Selain daripada berfungsi sebagai daya tarikan yang unik kepada universiti ini dan masyarakat setempat amnya, ianya juga akan dijadikan sebagai tempat untuk mengadakan pelbagai aktiviti akademik seperti kelas, studio lukisan dan kesenian serta program pembangunan sahsiah pelajar. Taman Agro yang dibangunkan di Kampus Bachok pada awal tahun ini juga telah merubah wajah dan suasana persekitaran kampus dengan berkonsepkan 'Kampus dalam taman'. Selain daripada tasik buatan yang dipenuhi dengan pelbagai jenis ikan air tawar, taman ini yang turut dilengkapi dengan ladang rusa dan burung kasawari; sekaligus menjadikan Kampus UMK Bachok sebagai salah satu tarikan pelancong ke daerah ini.



MAJLIS KONVOKESYEN KE 2 UMK

Pada tahun 2012 ini juga, UMK telah mencatat sejarah apabila berjaya menganjurkan Majlis Konvokesyen ke-2 UMK dengan penuh gilang-gemilang pada 15 September 2012 di Auditorium, Jabatan Kebudayaan dan Kesenian Negara, Kota Bharu, Kelantan Darul Naim.

Pada Majlis Konvokesyen ini, untuk pertama kalinya KDYMM Sultan Kelantan, Sultan Muhammad ke-V, Tuanku Canselor UMK telah mangampun perkenan mencemar duli dan menghadiri majlis ini bersama Yang Teramat Mulia Dr. Tengku Muhammad Fa-iz Petra Ibni Sultan Ismail Petra, Tengku Mahkota Kelantan, Tuanku Pro-Canselor UMK. Di majlis tersebut, baginda berdua telah berkenan untuk memberikan penganugerahan Ijazah Sarjana dan Ijazah Sarjana Muda kepada seramai 292 graduan UMK. Majlis Konvokesyen ini yang berlangsung selama tiga hari turut dimeriahkan dengan Majlis Santapan DiRaja dan Pesta Konvokesyen UMK (PESKO) yang pertama kali diadakan untuk tahun ini.

KDYMM Tuanku Canselor juga telah berkenan untuk menyampaikan Ijazah Kehormat kepada tiga orang penerima iaitu YBhg. Dato' Hj. Ameer Ali bin Mydin, Pengarah Urusan Mydin Mohd. Holding Berhad, bagi kategori Tokoh Usahawan dan Ikon Peruncitan Bumiputra dengan Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Keusahawanan), penerima kedua bagi Ijazah Kehormat Doktor Falsafah (Pengurusan Warisan) ialah YBhg. Datin Paduka Prof. Emeritus Siti Zuraina binti Abdul Majid sebagai Tokoh Warisan dan Kesenian dan kepada penerima terakhir iaitu Seniman Mohd. Noor bin Shamsuddin, dengan Ijazah Sarjana Seni (Keusahawanan Industri Kreatif).

SISTEM PENARAFAN DISIPLIN PENGGAJIAN (SETARA)

Bagi menilai kualiti dan kecemerlangan sesebuah institusi akademik, pihak KPT telah menggunakan Sistem Penarafan Disiplin Pengajian (SETARA) bagi mengukur pencapaian kita dalam pembelajaran dan pengajaran di peringkat nasional. Pada tahun 2012, daripada 54 buah institusi, kita telah berjaya mendapat tirs 4 bersama 16 IPTA/S yang lain. Pencapaian ini boleh dibanggakan tetapi masih boleh diperbaiki supaya kita mampu berada di tirs 5 bagi tahun 2013 yang akan datang. Seperti yang

diumumkan oleh YAB Menteri KPT pada tahun 2013, semua Institusi Pengajian Tinggi akan turut dinilai melalui *Discipline-Based Rating System* (D-SETARA) yang memfokuskan kepada bidang-bidang pengajian khusus seperti Sains Kesihatan, Hospitaliti, Kejuruteraan dan juga bidang-bidang kritikal yang lain. UMK berharap akan dapat mensasarkan tirs 4 bagi penilaian D-SETARA tahun hadapan.



UMK BUSINESS VENTURES SDN. BHD.

Dalam mempergiatkan lagi aktiviti keusahawanan, pihak universiti telah bersetuju untuk mewujudkan sebuah syarikat yang dikenali sebagai UMK Business Ventures Sdn. Bhd. Objektif penubuhannya adalah untuk memberikan perkhidmatan dalam bentuk projek-projek perundingan profesional, pengkomersilan dan membangunkan modal insan melalui program pembelajaran sepanjang hayat. Keuntungan yang diperolehi oleh syarikat ini akan digunakan untuk membiayai lebih banyak projek yang berteraskan keusahawanan di peringkat dalam dan luar negara. Adalah menjadi harapan universiti agar syarikat ini bakal menjadi sebuah syarikat contoh dan *platform* yang baik kepada pelajar UMK dan masyarakat setempat untuk belajar membina kerjaya dalam bidang keusahawanan.

KESIMPULAN

Pencapaian dan prestasi universiti bagi tahun 2012 adalah merupakan hasil usahasama semua pihak yang sememangnya ingin melihat universiti ini terus melangkah gagah mendepani masa depan yang lebih gemilang. Apa yang penting, impian ini perlulah menjadi pembakar semangat dan pendorong kepada semua pihak khususnya warga kerja UMK untuk merealisasikan semua yang telah direncanakan. Saya percaya, jika semua berada di landasan yang betul, adalah tidak mustahil untuk universiti ini mendapat pengiktirafan yang sewajarnya sehingga ke peringkat antarabangsa.

“Jika kita dicampakkan ke laut akan menjadi pulau, dicampakkan ke darat akan menjadi gunung...”

Itulah standard warga UMK yang saya cita-citakan. Sekian, wassalam.

PROF. DATUK DR. RADUAN HJ. CHE ROSE
Naib Canselor

MALAYSIA RESEARCH ASSESSMENT INSTRUMENT (MYRA)

Pengukuran dan penilaian dalam aspek penyelidikan, pembangunan dan pengkomersialan yang dibuat menggunakan *Malaysia Research Assessment Instrument* (MyRA), UMK pada tahun lepas, hanya berjaya memperolehi satu bintang sahaja. Walaupun ada universiti yang tidak mendapat apa-apa bintang, namun ianya tidak boleh dijadikan alasan untuk tidak membuat perancangan dan mengatur strategi bagi meningkatkan lagi jumlah bintang yang bakal diraih tahun hadapan. Saya juga berhasrat untuk meneruskan dan mempergiatkan Pembudayaan Penyelidikan Keusahawanan pada tahun 2013 ini bagi memantapkan lagi bidang keusahawanan akademik, selaras dengan teras universiti ini.

Satu pendekatan iaitu sistem kluster akan ditubuhkan bagi membolehkan kesemua tenaga pengajar akademik di UMK dibahagikan mengikut kepakaran dan bidang masing-masing bagi mendokong agenda penyelidikan secara lebih tersusun dan efektif. Setiap kluster ini juga akan diketuai oleh mentor yang bertaraf Profesor yang dilantik untuk membuat penelitian dan membantu dalam proses penambahbaikan bagi setiap penyelidikan yang dijalankan. Selain itu, jawatan Penolong Naib Canselor, Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan (PIK) juga diwujudkan khusus bagi memantau dan merealisasikan agenda ini. Melalui pendekatan ini, tidak mustahil bagi UMK mencapai sekurang-kurangnya 3 bintang bagi MyRA 2013.

PENGURUSAN TERTINGGI & SENAT UNIVERSITI

PENGURUSAN TERTINGGI



01



02



05



06



03



04



07



08



09

01

Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Hj. Che Rose
Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan

03

Y.Bhg. Prof. Madya Abdul Aziz bin Ab. Latif
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni)

02

Y.Bhg. Prof. Dr. Roselina binti Ahmad Saufi
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

04

Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Hj. Harun
Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi & Keusahawanan)

05

Y.Bhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak
Pendaftar

06

Y.Bhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Che Omar
Pengarah, UMK Kampus Jeli

07

Y.Bhg. Prof. Datuk Abdul Halim bin Sidek
Penasihat Undang-Undang

08

Y.Brs. En. Azman bin Hashim
Ketua Pustakawan

09

Y.Brs. En. Mohd. Yusri bin Awang
Pemangku Bendahari

SENAT



PENGERUSI

Y.BHG. PROF. DATUK DR. RADUAN BIN HJ. CHE ROSE

B.Arts (Hons) (Malaya), M.Sc. Industrial Relations (Stirling), Ph.D. (Mgmt/Int. Business) (Leeds)
 NAIB CANSOLOR UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

AHLI

PROF. DR. ROSELINA BINTI AHMAD SAUFI

BBA (Hons) (UKM), MBA, Ph.D. (Mgmt/HR) (Sheffield)
 TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

PROF. DR. MOHAMAD KAMAL BIN HJ. HARON

B.A (Chemistry) (Illionois), M.A (Iowa), Ph.D. (Corrosion & Adhesion Sc.) (UMIST), FIMM
 PENOLONG NAIB CANSOLOR (PENYELIDIKAN, INOVASI & KEUSAHAWANAN)

PROF. MADYA ABDUL AZIZ BIN AB. LATIF

Dip. Agric (UPM), B.Sc. (Agric Business Mgmt) (Iowa State), MBA (Arkansas)
 TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HAL EHWAL PELAJAR DAN ALUMNI)

PROF. DR. IBRAHIM BIN CHE OMAR

B.Sc. (Microbiology) (UKM), M.Eng., D.Eng. (Chemical Industry) (Hiroshima)
 PENGARAH, UMK KAMPUS JELI

AHLI

PROF. DR. RAZLI BIN CHE RAZAK

B.Ec. (Hons) Econs. Stat. (UKM), M.Sc. (OR) (Strathclyde), Ph.D. (Operations Mgmt) (USM)
 PROFESOR/PENDAFTAR

PROF. DR. SAZALI BIN ABD. WAHAB



LLB (Hons) (UKM), MBA, Ph.D. (GSM-UPM)
 DEKAN, PUSAT PENGAJIAN SISWAZAH

PROF. DATUK ABDUL HALIM BIN SIDEK

LLB (Hons) (UM), LLM (Criminology & Criminal Justice) (London)
 PROFESOR/PENASIHAT UNDANG-UNDANG

PROF. DR. MOHAMED DAHLAN BIN IBRAHIM

B.Sc. (Finance) (Indiana), MBA. (Finance) (Saint Louis), Ph.D. (Economics) (Stirling)
 DEKAN, FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN



AHLI

PROF. DR. ABU HASSAN BIN HASBULLAH
B.A. (Hons) (Malaya), M.A (Malaya), Ph.D. (Vienna)
DEKAN, FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

PROF. DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD
BBA (Finance) (Milwaukee), MBA (UUM), DBA (USM)
PROFESOR / PENGARAH PUSAT HAL EHWAL KORPORAT

PROF. DR. MOHD AZAM KHAN BIN GORIMAN KHAN
D.V.M (UPM), Ph.D. (Glasgow)
DEKAN, FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

PROF. DR. RAJA SUZANA BINTI RAJA KASIM
BBA (Hons) (UKM), M.Sc. (UiTM), Ph.D. (Mgmt/K.Mgmt) (UPM)
PROFESOR / PENGARAH, PUSAT PENGURUSAN PENYELIDIKAN DAN INOVASI

PROF. DR. RAZAK BIN WAHAB
B.Sc. (Hons) (Forest Microbiology) (UM), M.Sc. (Wood Physics) (ULPB)
DEKAN, FAKULTI SAINS BUMI

PROF. MADYA DR. MOHD ROSLI BIN MOHAMAD
B.Ec. Hons. (UM), M.Ec. (UM), Ph.D. (UM)
PENGARAH, PUSAT JAMINAN KUALITI DAN AKREDITASI

PROF. DR. AHMAD ANWAR BIN MOHAMED ISMAIL
B.Agr.Sc. (Botany) UM, M.Phil. (Plant Physiology) (London), Ph.D. (Forest Microbiology) (London)
DEKAN, FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI

PROF. ROSDI BIN AB. RAHMAN
B.Land Economy (Aberdeen), M.Real Estate (Denver)
PENGARAH, UNIT KECEMERLANGAN ECER-KPT-UMK (ECER)
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (PENYELIDIKAN DAN INOVASI)

PROF. DR. FAROK BIN ZAKARIA
B.Sc. (Res. Econs) (UPM), MBA (Stirling), Ph.D. (Malaya)
PENGARAH, PUSAT PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN INSANIAH

PROF. DR. ZULKARNAIN BIN MUHAMAD SORI
B.Acc. (UPM), M.Sc. (Acc) (UPM), Ph.D. (Cardiff), CA (M), MIM-CPT
PROFESOR, FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

AHLI

PROF. DR. LUKMAN @ ZAWAWI BIN MOHAMAD
B.Sc. (Hons) HBP (USM), MARS (Liverpool), Ph.D. SSH (SW) (Durham)
PROFESOR, FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

PROF. DR. IBRAHIM BIN BUSU
B.Sc. (Hons) Surveying and Mapping Science (North East London Polytechnic), M.Sc. Image Processing and Remote Sensing Application (Dundee), Ph.D. Remote Sensing (Dundee)
PROFESOR, FAKULTI SAINS BUMI

PROF. DR. HISHAMUDDIN BIN MD SOM
B.Sc., MBA (San Francisco), Ph.D. (Stirling)
PROFESOR, FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN

PROF. MADYA DR. SERI INTAN BINTI MOKHTAR
B.Sc. (Hons) Microbiology (Manchester), Ph.D. in Microbiology (Manchester)
PROF. MADYA, FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI

PROF. DR. ABU BAKAR BIN SADE
BBA (Bus. Admin & Comp. Sc) (USA), MBA (IB), Ph.D. (Marketing) (Strathclyde)
PROFESOR, FAKULTI KEUSAHAWANAN DAN PERNIAGAAN


PROF. DR. HARON BIN DAUD
B.A (Hons) Persuratan Melayu (UKM), M. Letters Persuratan Melayu (UKM), Ph.D. Pengajian Melayu (UM)
FELO UTAMA, FAKULTI TEKNOLOGI KREATIF DAN WARISAN

DATIN PROF. DR. KALTHUM BINTI HASHIM
Doctor of Veterinary Medicine (DVM) (University of Agriculture, Pakistan) M.Sc. Veterinary Pharmacology (UPM), Ph.D. Veterinary Anaesthesia (Bistol)
PROFESOR, FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

DR. WAN ZAHARI BIN MOHAMED
B.Sc. (Biology) (UKM), M.Sc. (Animal Nutrition), Ph.D. (Animal Nutrition & Mineral Metabolisme) (Aberdeen)
FELO UTAMA, FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

PROF. DR. JASNI BIN SABRI
Diploma in Animal Health & Production (UPM), Doctor of Veterinary Medicine (DVM) (UPM), Ph.D. Veterinary Pathology (Edinburgh)
PROFESOR, FAKULTI PERUBATAN VETERINAR

EN. MAHFOOR BIN HARRON
Dip. Agric. (Malaya), B.Sc. (Ag. Econs), M.Sc. (Ag.Econs) (LSU)
FELO UTAMA, PEJABAT CANSELORI



LAPORAN SENAT

Sepanjang tahun 2012, Mesyuarat Senat telah diadakan sebanyak 12 kali. Pada tahun tersebut juga bilangan keahlian telah ditambah sebanyak 20 orang seperti jadual F1:

BIL.	NAMA	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
1.	YBhg. Prof. Datuk Dr. Raduan bin Che Rose	15 April 2012	14 Apr 2014
2.	YBhg. Prof . Dr. Roselina binti Ahmad Saufi	1 Mei 2012	14 Apr 2014
3.	YBhg. Prof. Dr. Mohamad Kamal bin Harun	1 Mei 2012	14 Apr 2014
4.	YBhg. Prof Dr. Abu Hassan bin Hasbullah	15 April 2012	14 Apr 2014
5.	YBhg.Prof. Dr. Razak bin Wahab	15 April 2012	14 Apr 2014
6.	YBhg. Prof. Dr. Sazali bin Abd Wahab	15 April 2012	14 Apr 2014
7.	YBhg. Prof. Dr. Razli bin Che Razak	15 April 2012	14 Apr 2014
8.	YBhg. Prof. Datuk Abdul Halim bin Sidek	15 April 2012	14 Apr 2014
9.	YBhg. Prof Dr. Zulkarnain bin Muhamad Sori	15 April 2012	14 Apr 2014
10.	YBhg. Prof Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad	15 April 2012	14 Apr 2014
11.	YBhg. Prof Dr. Lukman @ Zawawi bin Mohamad	15 April 2012	14 Apr 2014
12.	YBhg. Prof. Dr. Raja Suzana binti Raja Kasim	15 April 2012	14 Apr 2014
13.	YBhg. Prof. Dr. Abu Bakar bin Sade	15 April 2012	14 Apr 2014
14.	YBhg. Prof. Dr. Hishamuddin bin Md Som	10 Mei 2012	14 Mei 2014
15.	YBrs. Encik Mahfoor bin Harron	1 Mei 2012	14 Apr 2014
16.	YBhg. Prof. Madya Dr. Mohd Rosli bin Mohamad	15 Oktober 2012	14 Okt 2012
17.	YBhg. Datin Prof. Dr. Kalthum binti Hashim	1 Oktober 2012	30 Sept 2012
18.	YBhg. Prof. Dr. Jasni bin Sabri	1 Oktober 2012	30 Sept 2012
19.	YBhg. Prof. Dr. Ibrahim bin Busu	1 Oktober 2012	30 Sept 2012
20.	YBhg. Prof. Madya Dr. Seri Intan binti Mokhtar	1 Oktober 2012	30 Sept 2012

Senarai Ahli Baharu Senat bagi tahun 2012

KUASA SENAT

Kuasa-kuasa yang diperuntukkan kepada Senat universiti dalam Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan P.U. (A) 462 seperti berikut:

01	Senat menjadi badan akademik bagi universiti dan tertakluk kepada peruntukan Perlembagaan Universiti, statut, kaedah-kaedah dan peraturan-peraturan, berhak mengawal dan memberikan arahan secara am mengenai pengajaran, penyelidikan dan peperiksaan, dan pengurniaan ijazah, diploma, sijil dan kepujian akademik yang lain;
02	Untuk menubuhkan fakulti, sekolah, pusat, akademik dan institut serta jabatan, unit atau badan di bawah fakulti, sekolah, pusat, akademik dan institut itu;
03	Dengan keizinan Lembaga, untuk memberikan 'Ijazah Kehormat' kepada orang yang telah menyumbang terhadap kemajuan atau penyebaran pengetahuan atau yang telah memberi khidmat awam yang cemerlang;
04	Untuk membentuk dasar dan kaedah pengajaran & pembelajaran, peperiksaan, penyelidikan, biasiswa serta latihan yang dijalankan di dalam oleh atau dari universiti;
05	Untuk memastikan standard pendidikan dalam kursus pengajian yang diadakan di dalam oleh atau dari universiti;
06	Untuk menentukan kebolehlaksanaan atau selainnya apa-apa cadangan berkenaan dengan apa-apa kurikulum atau kursus pengajian yang dijalankan atau hendak dijalankan di dalam oleh atau dari universiti;
07	Untuk menentukan kelayakan yang dikehendaki bagi diterima masuk ke dalam mana-mana kursus pengajian yang diadakan di dalam oleh atau dari universiti;
08	Untuk mengawal selia perjalanan penilaian dan peperiksaan, mengesahkan keputusan peperiksaan dan menentukan rayuan;
09	Untuk menggubal dasar bagi melindungi kebebasan akademik dan kecemerlangan profesional; dan
10	Untuk melakukan segala perkara yang suai manfaat atau perlu bagi atau bersampingan dengan pelaksanaan fungsinya di bawah Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan.

PENYELIAAN DAN PENGAWASAN HAL EHWAL AKADEMIK DAN STANDARD UNIVERSITI

Universiti Malaysia Kelantan telah diberi pengiktirafan iaitu pencapaian di peringkat Tier 4 (sangat baik) untuk Sistem Penarafan Institusi Pengajian Tinggi Malaysia 2011 (SETARA' 11).

Penilaian (SETARA) merangkumi lima (5) aspek iaitu *Governance, Physical and Financial Resources, Talent (Quality, Experience and Diversity), Process dan Quality of Graduates & Graduate Satisfaction.*

- Peraturan-peraturan yang disemak dan diluluskan oleh Senat

Pada tahun 2012, beberapa peraturan, dasar dan garis panduan telah disemak dan diluluskan oleh Senat.

• Makluman Struktur Baharu Tadbir Urus Institutional Programme Management Office	» Senat Bil.56/2012 (16/4/2012)
• Kertas Kerja Dasar Konsep Pembangunan Penubuhan ECAP (Entrepreneurial, Cultural And Agro-Tropical Park) UMK di Kampus Bachok, Kelantan	» Senat Bil.5/2012 (58) (14/6/2012)
• Cadangan Perubahan Nama, Struktur Organisasi dan Implikasi Nama Untuk Pengijazahan	» Senat Bil.5/2012 (58) (14/6/2012)
• Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Pra Siswazah Universiti Malaysia Kelantan	» Senat Bil.6/2012 (59)
• Cadangan Penubuhan Jawatankuasa Pembelajaran Sepanjang Hayat Universiti Malaysia Kelantan	» Senat Bil.6/2012 (59) (24/7/2012)
• Cadangan Pertukaran Nama Program Pengajian Yang Ditawarkan oleh Fakulti Industri Asas Tani	» Senat Bil.6/2012 (59) (24/7/2012)
• Penubuhan Jawatankuasa Pengkomputeran Akademik	» Senat Bil.7/2012 (60) (01/11/2012)
• Cadangan Syarat-Syarat Kemasukan Bagi Program Sarjana Muda Sains Gunaan (Teknologi Bahan) Dengan Keahlian Dan Pindaan Kod Program Pengajian	» Senat Bil.7/2012 (60) (01/11/2012)



PEMBUDAYAAN KEUSAHAWANAN




PENGENALAN

Berdasarkan aspirasi untuk menjadi sebuah 'Universiti Keusahawanan', UMK telah membangunkan ekosistem keusahawanan yang menyokong falsafah dan konsep pendidikan keusahawanan. Konsep yang menggunakan slogan "Entrepreneurship is Our Thrust", UMK telah menerajui transformasi budaya, tadbir urus dan infrastruktur ke arah merealisasikan sebuah universiti keusahawanan.

KONSEP PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

Konsep pendidikan keusahawanan di UMK bukanlah perniagaan semata-mata, malah ianya meliputi semua aspek termasuk pembangunan budaya, pemikiran dan atribut keusahawanan. Pendidikan keusahawanan adalah satu pendekatan terbaik untuk menerapkan elemen keusahawanan samada dalam kalangan staf mahupun pelajar.

MODEL ENTERPRISE UMK





Model “Enterprise UMK™” telah diperkenalkan sebagai satu sistem yang dipupuk dan diamalkan oleh setiap warga UMK. Ia adalah sistem semulajadi terdiri daripada bahagian-bahagian dan unit-unit dalam universiti yang berkolaborasi untuk menyediakan dan menyokong persekitaran ke arah budaya keusahawanan dan perusahaan. Idea ini adalah untuk mewujudkan satu budaya yang mengaktifkan keusahawanan bagi melengkapkan semua aktiviti dan komponen institusi dalam mencapai matlamat menjadi sebuah universiti keusahawanan.

Kepimpinan keusahawanan dalam memacu pendidikan keusahawanan dan perusahaan boleh dilihat bagi inisiatif bebas yang diambil oleh pihak universiti untuk mengambil risiko dalam membangunkan kursus baru akademik serta membina persekitaran yang lebih luas untuk menggalakkan budaya keusahawanan. Di samping itu, sistem pengurusan yang inovatif telah dibangunkan dan diubahsuai untuk memudahkan dan mengurangkan beban pentadbiran serta diterjemahkan ke dalam penjimatan kos dalam bentuk sumber manusia dan sumber kewangan.

MEMBUDAYAKAN KEUSAHAWANAN DALAM KALANGAN KAKITANGAN

Kakitangan yang bercirikan keusahawanan adalah antara faktor utama dalam memastikan kejayaan agenda keusahawanan universiti. UMK berhasrat untuk mentransformasikan staf akademik yang hanya mengajar di kuliah kepada *entrepreneurial educators* yang lebih berpengetahuan tentang keusahawanan, mempunyai atribut keusahawanan dan mampu menyampaikan pendidikan keusahawanan yang diperkenalkan oleh UMK kepada pelajar dan juga kakitangan lain.

Sebagai langkah untuk menjayakan hasrat ini, UMK dengan kerjasama Akademi Kepimpinan Pengajian Tinggi (AKEPT) telah menganjurkan *1st Annual University Administration Leaders Round Table Discussion* pada 16-17 Oktober 2012 di Hotel Renaissance, Kota Bharu. Program yang dirasmikan oleh Pengarah AKEPT, YBhg. Datuk Prof. Dr. Roziah Binti Omar ini telah memberi pendedahan kepada pentadbir UMK tentang peranan pentadbir dalam menjayakan sesebuah universiti.

MEMBANGUN ATRIBUT KEUSAHAWANAN PELAJAR

Sebagai sebuah universiti keusahawanan, penanda aras kejayaan UMK ialah berdasarkan keupayaan untuk melengkapkan pelajar dengan sifat-sifat keusahawanan di samping pengetahuan yang berkaitan dengan disiplin pengajian mereka, sekaligus memastikan kebolehpasaran graduan yang terlibat dengan kadar memulakan perniagaan yang lebih tinggi. Dalam usaha untuk mencapai hasrat ini, pelbagai aktiviti berkaitan keusahawanan telah dilaksanakan sepanjang tahun 2012.

Antara program keusahawanan yang telah diadakan adalah ‘Karnival Usahawan Siswa’ yang telah diadakan pada bulan September, November dan Disember. Karnival ini memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan ilmu dan kemahiran dalam bilik kuliah kepada dunia sebenar menerusi aktiviti perniagaan secara berkumpulan di dalam kampus sepanjang tempoh karnival. Penganjuran program seumpama ini juga telah membentuk atribut keusahawanan pelajar merangkumi elemen kreatif dan inovatif, berpandangan jauh serta berani mengambil risiko dalam melaksanakan program ini.

Elemen keusahawanan juga diterapkan dalam proses pengajaran dan pembelajaran menerusi input industri pada kadar 10% dalam setiap kursus yang dikendalikan oleh setiap fakulti. Di samping itu, setiap fakulti telah menjemput pakar dari industri ataupun agensi berkaitan untuk menyampaikan kuliah dalam topik berkaitan bagi setiap kursus.

Peranan pakar dari industri dan agensi kerajaan tidak hanya di dalam bilik kuliah, malahan turut terlibat dalam pelbagai program sokongan pembelajaran yang dianjurkan oleh fakulti. Antara program yang telah dilaksanakan adalah *Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS)* yang dianjurkan oleh FKP serta Ceramah Biokeusahawanan yang dianjurkan oleh FIAT dan juga FSB. Program seperti ini adalah *platform* terbaik bagi pelajar UMK mendapat pendedahan tentang dunia perniagaan dan keusahawanan serta seterusnya memberi nilai tambah kepada mereka.

Program lain yang telah dianjurkan pada tahun 2012 adalah GREAT (Program Latihan Pemantapan Graduan) dan Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) yang bertujuan untuk memberikan nilai tambah kepada pelajar tahun akhir UMK khususnya dalam meningkatkan kemahiran insaniah (terutamanya dalam penampilan diri, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berbahasa Inggeris, teknik semasa menghadiri temuduga dan lain-lain).

PERSEKITARAN YANG MENYOKONG KEUSAHAWANAN

Persekitaran dan prasarana yang lengkap serta kondusif merupakan aspek penting yang diberi penekanan oleh UMK. Ruang pejabat yang lebih baik telah memberikan inspirasi kepada setiap kakitangan untuk melaksanakan tugas dengan lebih baik. Antara prasarana yang disediakan ialah dengan penubuhan beberapa entiti untuk menyokong aktiviti keusahawanan pada tahun 2012 seperti *Global Entrepreneurship Research and Innovation Centre* (GERIC) dan UMK Ventures Sdn. Bhd.

GERIC adalah sebuah entiti sebagai peneraju utama dalam bidang penyelidikan, pendidikan dan amalan keusahawanan inovatif UMK. GERIC juga berperanan dalam usaha untuk menangani antara isu dan cabaran dalam melaksanakan program keusahawanan di Institut Pengajian Tinggi (IPT). Selain itu, ia turut berfungsi sebagai pusat sehati untuk membina kerjasama dengan pihak tempatan dan antarabangsa dalam memupuk dan memajukan teori dan amalan keusahawanan serta inovasi. GERIC juga berfungsi sebagai pusat transformasi perkhidmatan kepada masyarakat keusahawanan melalui rekabentuk dan penyampaian program nilai tambah yang berkesan bagi tujuan untuk mentransformasikan ekonomi Malaysia.


Bagi tujuan mencapai aspirasi yang tersebut, GERIC sebagai *platform* agenda keusahawanan UMK telah menetapkan empat (4) teras strategik iaitu:

- Penyelidikan dan pembangunan keusahawanan transformatif.
- Pendidikan keusahawanan.
- Pemindahan ilmu keusahawanan kepada masyarakat.
- Pengkomersilan harta intelek.

UMK Business Ventures Sdn. Bhd. pula adalah anak syarikat UMK. Pelantikan setiausaha dan aktiviti syarikat telah diluluskan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti Bil.13 yang diadakan pada 17 April 2010. Selaras dengan minit Mesyuarat Pasca Kabinet Bil. 11/2010 bertarikh 9 April 2010, Perkara 5.5: Penubuhan Syarikat di Kalangan Universiti Tempatan Perlunya satu syarikat yang dimiliki oleh semua universiti ditubuhkan. UMK Business Ventures Sdn. Bhd. akan bertindak sebagai:

- Pengupaya kepada kejayaan UMK sebagai Universiti Keusahawanan.
- Pemangkin daya keupayaan keusahawanan dikalangan pelajar dan staf.
- Penyokong pendidikan keusahawanan UMK selaras dengan konsep ekosistem Enterprise UMK™.
- Penjana pendapatan UMK bagi mengurangkan pergantungan kewangan kepada kerajaan.
- Pembentuk kerjasama dan perkongsian dalam aktiviti perolehan, perundingan dan perkhidmatan dengan Majlis Syarikat Induk IPTA Malaysia (MSIM).

AKTIVITI PERNIAGAAN



KEUSAHAWANAN DAN MASYARAKAT

Menerusi fokus terhadap keusahawanan, UMK berharap untuk menyumbang kepada komuniti perniagaan dan masyarakat dengan meningkatkan aktiviti ekonomi di rantau dan negara dalam usaha membasmi kemiskinan, menggalakkan pembangunan serantau dan memupuk minda keusahawanan dalam kalangan masyarakat melalui program penglibatan komuniti.

Untuk mencapai hasrat ini, UMK telah menganjurkan pelbagai program keusahawanan yang melibatkan masyarakat, antaranya *Social Enterprise for Economic Development* (SEED). SEED merupakan program yang menekankan kepada pembangunan ekonomi masyarakat samada dalam mahupun luar Negara. Peserta SEED yang terdiri daripada pelajar UMK dan beberapa IPT lain dari dalam dan luar negara diberi pendedahan untuk mempraktikkan ilmu dan kemahiran keusahawanan dalam membantu menyelesaikan masalah komuniti perniagaan dan masyarakat untuk meningkatkan produktiviti dan seterusnya meningkatkan taraf sosio-ekonomi mereka. Pada tahun 2012, SEED telah diadakan di Kg. Kuala Betis, Gua Musang, Kelantan dan juga Bandung, Indonesia.

Selain itu, UMK turut menganjurkan Forum Pendidik Keusahawanan Nasional Kali Pertama 2012 pada 27 Februari 2012 di Putrajaya International Convention Center (PICC). Forum ini bertujuan untuk memberi laluan kepada IPTA/IPTS tempatan merangka pelbagai program pendidikan keusahawanan yang lebih berkesan di peringkat kebangsaan dan antarabangsa di samping membantu untuk merangka strategi dalam meningkatkan pendidikan keusahawanan di Malaysia.

Menteri Pengajian Tinggi, Y.B. Dato' Seri Mohamed Khaled bin Nordin telah dijemput untuk menyampaikan ucap tama dan seterusnya merasmikan forum ini. Peserta forum ini telah diberi peluang untuk berkongsi ilmu dan pengalaman bersama panel khas yang dijemput antaranya Jerry MacArthur Hultin, Presiden Polytechnic Institute of New York University, Dr. Annalee Saxenian dari School of Information, University of California, Berkeley, Dr. Nancy Zimpher dari State University of New York serta Prof. Dr. Hassan Ali Pengarah Eksekutif, Cooperation Entrepreneurship Development Institute (CEDI) Universiti Utara Malaysia (UUM).



HAL EHWAL AKADEMIK

PROGRAM AKADEMIK

Tahun 2012 merupakan tahun keenam UMK beroperasi dan program akademik yang ditawarkan adalah kesinambungan daripada program-program yang ditawarkan sebelum ini. Pada tahun 2012 UMK mengekalkan program pengajian prasiswazah yang sedia ada manakala bagi peringkat pasca siswazah, program pengajian mod kerja kursus telah mula ditawarkan.

Pada tahun 2012, Fakulti Agro Industri & Sumber Asli (FASA) telah dipecahkan bagi membentuk dua fakulti baharu, iaitu Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan Fakulti Sains Bumi (FSB).



PROGRAM PENGAJIAN

• Prasiswazah

Sebanyak 17 program pengajian prasiswazah telah ditawarkan pada tahun 2012 melalui lima (5) buah fakulti iaitu masing-masing tujuh (7) bagi Fakulti Keusahawanan & Perniagaan (FKP), dua (2) bagi Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan (FTKW), satu (1) bagi Fakulti Perubatan

Veterinar, empat (4) bagi Fakulti Industri Asas Tani (FIAT) dan tiga (3) bagi Fakulti Sains Bumi (FSB). Jumlah program pengajian tersebut adalah sama dengan tahun sebelumnya berikutan tiada program baharu yang diperkenalkan.

FAKULTI	PROGRAM YANG DITAWARKAN
Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Keusahawanan (Perdagangan) dengan Kepujian Sarjana Muda Keusahawanan (Pelancongan) dengan Kepujian Sarjana Muda Keusahawanan (Hospitaliti) dengan Kepujian Sarjana Muda Keusahawanan (Keusahawanan Kesihatan) dengan Kepujian Sarjana Muda Pentadbiran Perniagaan (Perbankan dan Kewangan Islam) dengan Kepujian Sarjana Muda Keusahawanan (Peruncitan) dengan Kepujian Sarjana Muda Keusahawanan (Logistik dan Perniagaan Penedaran) dengan Kepujian
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Teknologi Kreatif dengan Kepujian Sarjana Muda Pengajian Warisan dengan Kepujian
Fakulti Perubatan Veterinar	<ul style="list-style-type: none"> Sarjana Muda Perubatan Veterinar
- Peningkatan persekitaran kampus yang selamat, kondusif dan boleh dipercayai oleh semua warga UMK dan pelawat yang berurusan.
- Peningkatan hubungan yang baik dengan pelanggan melalui sistem penyampaian yang efektif dan efisien ke arah mencapai tahap kepuasan dan keperluan pelanggan seperti yang dihasratkan oleh universiti.
- Peningkatan penyertaan, semangat kerja berpasukan dan kepuasan bekerja Anggota Keselamatan universiti.
- Peningkatan produktiviti dan kualiti kerja setiap peringkat anggota Bahagian Keselamatan universiti.

Tugas yang dilaksanakan oleh Bahagian Keselamatan adalah tugas yang berisiko tinggi dan amat mencabar. Usaha perlu dilakukan agar Bahagian Keselamatan dapat menjadi entiti yang lebih kompetitif, profesional dan dihormati selaras dengan fungsinya sebagai pihak berkuasa yang menguatkuasakan peraturan dan undang-undang dalam kampus. Usaha ini akan menghasilkan Bahagian Keselamatan dan anggota-anggotanya yang dapat menjalankan tugas dengan lebih berkualiti dan profesional selaras dengan beban tugas dan cabaran yang dihadapi ke arah menjamin kelestarian keselamatan dan kesejahteraan kampus.

LAPORAN PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG

Penasihat Undang-Undang (PUU), UMK telah dilantik pada 11 Mac 2012 dan pada 13 Mac 2012, Pejabat Penasihat Undang-Undang (Pejabat PUU) telah ditempatkan di bawah Jabatan Canselori. Pejabat ini terdiri daripada empat (4) orang staf iaitu Penasihat Undang-Undang, Penolong Pendaftar Kanan, Setiausaha Pejabat dan Pembantu Tadbir (Perkeranian dan Operasi (P/O)).



Carta organisasi Pejabat PUU


Pejabat PUU berperanan dalam tiga (3) bidang utama seperti berikut:

GUBALAN	
1	Menyedia, menderaf, menyemak dan menasihati terma-terma dan syarat-syarat dalam memorandum persefahaman, perjanjian, surat niat dan dokumen perundangan lain seperti polisi, tatacara, panduan dan sebagainya.
2	Membuat rundingan berkaitan terma-terma dan syarat-syarat dalam dokumen berkaitan dengan agensi-agensi Kerajaan dan antarabangsa, universiti tempatan dan luar negara serta sektor industri bagi melindungi kepentingan universiti.
3	Mengemukakan dan menjelaskan cadangan deraf atau pindaan perlembagaan, statut, kaedah, perintah dan peraturan dan lain-lain kepada Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (KPTM).
PENASIHATAN	
1	Menasihati universiti dalam semua hal perundangan berkaitan dengan governans, dasar, pembangunan, staf, hal ehwal pelajar, hal ehwal kampus dan hal ehwal akademik.
2	Memberi nasihat dalam penyediaan apa-apa dokumen, surat, laporan dan sebagainya.
3	Menasihati universiti dan pihak-pihak berkenaan tentang akta, perlembagaan, statut, kaedah, peraturan, perundangan subsidiari atau keputusan kehakiman yang relevan dan memerlukan pengubahsuaian berlandaskan amalan dan prosedur universiti.
GUAMAN	
1	Memantau dan melapor kepada universiti kes-kes litigasi di mahkamah yang melibatkan universiti, staf dan pelajar.
2	Menyelia dan membantu panel peguam yang mewakili universiti.
3	Meneliti dokumen mahkamah yang disediakan oleh panel peguam.
4	Mengurus pelantikan dan penamatan, menyelia dan memantau prestasi panel peguam.

Berikut adalah senarai Memorandum Persefahaman, Memorandum Perjanjian dan surat semak yang telah disediakan dan disemak oleh Pejabat PUU sepanjang tahun 2012 :

BIL	NAMA INSTITUSI/ AGENSI/ INDUSTRI	HUBUNGAN KERJASAMA	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	Prince of Songkla University (PSU), Thailand	Dimeterai pada 13/05/2012 Kerjasama dalam bidang akademik. Skop kerjasama meliputi program pertukaran pelajar/staf, penyelidikan dan pembangunan, pertukaran maklumat dan bahan ilmiah, kerjasama dalam menganjurkan syarahan, seminar, bengkel dan lain-lain bidang kerjasama yang berkaitan.	Jabatan Canselori
2.	The Australian Institute of Management, Western Australia	Dimeterai pada 19/06/2012 - 18/06/2015 Kerjasama dalam bidang leadership development, pengajaran dan perundingan. Skop kerjasama meliputi penganjuran program leadership, pertukaran staf, latihan dan seminar, study tours, penyelidikan penganjuran latihan, bengkel, simposium dan lain-lain bidang kerjasama akademik yang berkaitan.	Jabatan Canselori
3.	Tunjang Resources (TR)	Dimeterai pada 19/07/2012 - 18/07/2015 Kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan berkaitan keusahawanan. Skop kerjasama meliputi kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, pertukaran/ perkongsian maklumat dan kemudahan serta penganjuran bersama pameran, kuliah, seminar, bengkel serta lain-lain bidang kerjasama akademik yang berkaitan.	Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan)
4.	Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)	Dimeterai pada 19/07/2012 - 18/07/2015 Kerjasama dalam mengembang dan memajukan bidang pendidikan khususnya dalam penyelidikan, pembangunan, perundingan, perkhidmatan, keusahawanan dan latihan. Objektif kerjasama adalah bagi menyediakan platform pembelajaran bagi Program Sarjana dan Doktor Falsafah kepada kakitangan SPNB dan menyediakan pembiayaan kakitangan SPNB yang ingin melanjutkan pengajian Sarjana dan Doktor Falsafah di UMK.	Pusat Pengajian Siswazah

5.	Amanah Ikhtiar Malaysia	Dimeterai pada 19/07/2012 - 18/07/2015 Kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan berkaitan keusahawanan. Skop kerjasama meliputi kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, pertukaran/ perkongsian maklumat dan kemudahan serta penganjuran bersama pameran, kuliah, seminar, bengkel dll serta lain-lain bidang kerjasama akademik yang berkaitan.	Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan)
6.	Kerajaan Malaysia (Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani)	Dimeterai pada 08/09/2012 - 07/09/2017 Kerjasama dalam pembangunan modal insan, pengajian lanjutan, penyelidikan dan pembelajaran, pembangunan ladang, penyediaan kurikulum latihan dalam bidang pertanian yang merangkumi tanaman, perikanan, ruminant, agro-industri dan keusahawanan tani melalui Majlis Latihan Pertanian Kebangsaan (NATC). Skop kerjasama adalah bagi membangunkan modul latihan yang berasaskan kepada kemahiran dan akademik/teori, menyediakan program dan path way untuk pengajian di UMK bagi pelajar-pelajar NATC dan pegawai Kementerian, membangunkan ladang-ladang pertanian secara komersial, menjalankan penyelidikan dan pembangunan dalam sektor pertanian dan membangunkan program keusahawanan tani untuk pelajar NATC.	Fakulti Industri Asas Tani
7.	Kolej RISDA	Dimeterai pada 06/06/2012 - 05/06/2017 Kerjasama dalam pembangunan modal insan dan bidang akademik. Skop kerjasama meliputi program pertukaran tenaga pengajar, penyelidikan, pewujudan program kerjasama, penerbitan hasil penyelidikan dan penganjuran latihan, bengkel, simposium dan lain-lain bidang kerjasama akademik yang berkaitan	Fakulti Industri Asas Tani
8.	Leong Hup Holdings Berhad (LHH)	Dimeterai pada 19/07/2012 - 18/07/2015 Kolaborasi dalam pendidikan, penyelidikan dan pembangunan serta inovasi berkaitan bidang pengurusan pengeluaran ternakan dan kawalan penyakit ternakan. Skop kerjasama meliputi attachment pelajar dan staf, penyelidikan dan pembangunan (R&D), pertukaran dan perkongsian bahan penerbitan, penganjuran pameran, syarahan, seminar, bengkel dan pembangunan program k-society dalam bidang ternakan.	Fakulti Perubatan Veterinar



9.	Malaysian Technology Development Corporation (MTDC)	<p>Dimeterai pada 19/07/2012</p> <p>Kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan berkaitan keusahawanan.</p> <p>Skop kerjasama meliputi kerjasama dalam penyelidikan dan pembangunan, pertukaran/ perkongsian maklumat dan kemudahan serta penganjuran bersama pameran, kuliah, seminar, bengkel serta lain-lain bidang kerjasama akademik yang berkaitan.</p>	Pejabat Penolong Naib Canselor (Penyelidikan, Inovasi dan Keusahawanan)
10.	The University of the Philippines Los Banos College, Laguna Philippines	<p>Dimeterai pada 19/07/2012 - 18/07/2015</p> <p>Kerjasama dalam bidang akademik, penyelidikan dan pembangunan serta pengkomersilan berkaitan keusahawanan.</p> <p>Skop kerjasama meliputi kerjasama dalam pertukaran fakulti, penyelidik dan staf pentadbiran serta pelajar, kolaborasi dalam penyelidikan, penganjuran bersama kuliah dan simposium serta lain-lain bidang kerjasama akademik yang berkaitan.</p>	Fakulti Sains Bumi

PERJANJIAN

BIL	NAMA INSTITUSI/ AGENSI/ INDUSTRI	HUBUNGAN KERJASAMA	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	Koh Yin La@Koh Yen Lay	<p>Bermula pada 01/01/2012 - 31/12/2013</p> <p>Perjanjian sewa premis di Kampus Kota (penyambungan) - PT 1151, Taman Bendahara</p>	Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan
2.	Teknologi Park Malaysia College Sdn Bhd (TPM)	<p>Bermula pada 05/03/2012 - 04/03/2017</p> <p>Perjanjian kerjasama akademik melibatkan pengambilan pelajar dan perpindahan kredit melibatkan pelajar sarjana muda antara kedua-dua pihak</p>	Pusat Pengajian Siswazah
3.	Century Software (M) Sdn Bhd	<p>Bermula pada 01/04/2012 - 31/03/2014</p> <p>Perjanjian bagi penggunaan sistem SAGA oleh Jabatan Bendahari</p>	Jabatan Bendahari
4.	Universiti Tun Razak (UNIRAZAK)	<p>Ditandatangani pada 12/07/2012</p> <p>Perjanjian bagi penganjuran program 4 hari dengan Babson College (11-14 Julai 2012) - The Babson- Research Leadership Think Tank Series: Building Capacity by Development of Programme Madule for Trainers</p>	Jabatan Pendaftar
5.	Mohd Jamil bin Muhammed	<p>Bermula pada 01/07/2012 - 30/06/2015</p> <p>Perjanjian sewa premis di Kampus Kota (penyambungan) - PT 1150 (1760), Taman Bendahara</p>	Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan
6.	Bank Islam Malaysia Berhad	<p>Bermula pada 24/04/2012 - 23/04/2016</p> <p>Perjanjian mewujudkan kad pintar (VISA debit) dengan pihak BIMB yang akan digunakan oleh staf dan pelajar UMK, bukan sahaja berfungsi sebagai kad debit VISA tetapi juga kad staf/ pelajar</p>	Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan Jabatan Bendahari
7.	Khoo Ka Yee	<p>Bermula pada 01/09/2012 - 31/08/2015</p> <p>Perjanjian Sewa di Kampus Kota - PT 1855, Taman Bendahara</p>	Jabatan Pembangunan Infra dan Perkhidmatan
8.	K.U.S Industries (M) Sdn Bhd	<p>Bermula pada 01/09/2012 - 01/09/2015</p> <p>Perjanjian Sewa Perabot untuk Kolej Kediaman Pelajar UMK Kampus Bachok dan Jeli</p>	Jabatan Hal Ehwal Pelajar
9.	Hasnisah binti Ibrahim	<p>Bermula pada 01/10/2011 - 30/09/2014</p> <p>Perjanjian Sewa bagi Kolej Kediaman Pelajar UMK Kampus Bachok - PT 1526 Taman Bator Harmoni</p>	Jabatan Pembangunan, Infra dan Perkhidmatan

10.	Zurnie binti Mustafa	Bermula pada 01/10/2011 - 30/09/2014 Perjanjian Sewa bagi Kolej Kediaman Pelajar UMK Kampus Bachok - PT 1527 Taman Bator Harmoni	Jabatan Pembangunan, Infra dan Perkhidmatan
11.	Mohd Hafizu bin Yusoff	Bermula pada 01/10/2011 - 30/09/2014 Perjanjian Sewa bagi Kolej Kediaman Pelajar UMK Kampus Bachok - PT 1535 Taman Bator Harmoni	Jabatan Pembangunan, Infra dan Perkhidmatan
12.	Bank Islam Malaysia Berhad	Bermula pada 01/06/2012 - 31/05/2014 Perjanjian kadar fee yang dikenakan ke atas pelajar bagi perkhidmatan pembayaran yuran pengajian oleh BIMB	Jabatan Bendahari
13.	Seri Barat Mixed Sdn. Bhd.	Bermula pada 01/01/2013 - 31/12/2013 Perjanjian Sewa di Taman Bendahara bagi kegunaan pejabat - PT 1155, Taman Bendahara	Jabatan Pembangunan, Infra dan Perkhidmatan
14.	AP Mekar Resources	Bermula pada 01/09/2012 - 31/08/2014 Perjanjian Kafetaria dengan Pengusaha Kafetaria UMK Kampus Jeli	Pejabat Pentadbiran Kampus UMK Jeli
15.	Noor Atiqah Binti Abdul Halim	Bermula pada 01/09/2012 - 31/08/2014 Perjanjian Kafetaria dengan Pengusaha Kafetaria UMK Kampus Jeli	Pejabat Pentadbiran, UMK Kampus Jeli
16.	Che Fariza binti Mat Yusoff	Bermula pada 01/09/2012 - 31/08/2014 Perjanjian Kafetaria dengan Pengusaha Kafetaria UMK Kampus Jeli	Pejabat Pentadbiran, Kampus UMK Jeli
17.	Robiah binti Mohamed	Bermula pada 01/09/2012 - 31/08/2014 Perjanjian Kafetaria dengan Pengusaha Kafetaria UMK Kampus Jeli	Pejabat Pentadbiran, UMK Kampus Jeli

SURAT NIAT / LETTER OF INTENT (LOI)

BIL	NAMA INSTITUSI/ AGENSI/ INDUSTRI	HUBUNGAN KERJASAMA	PUSAT TANGGUNGJAWAB
1.	Prince of Songkla University (PSU), Thailand	Dimeterai pada 13/05/2012 Kerjasama dalam bidang akademik dalam program dikenal "Undergraduate Double Degree Program on Food Technology and Security"	Fakulti Industri Asas Tani
2.	Universitas Diponegoro, Indonesia	Dimeterai pada 23/04/2012 Kerjasama dalam bidang akademik dalam program berkaitan pengajaran dan penyelidikan dalam bidang pengajian tinggi bagi pembangunan profesional, pertukaran pelajar (ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD) melalui pertukaran kredit dan double degree, penyelidikan bersama dan joint program dalam bidang keusahawanan, perniagaan dan sebagainya, penganjuran bersama dalam bengkel antarabangsa, seminar, mesyuarat dan lain-lain bidang akademik yang berkaitan.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
3.	Universitas Bina Darma, Indonesia	Dimeterai pada 23/04/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan Keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
4.	Universitas Negeri Surabaya, Indonesia	Dimeterai pada 23/04/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan Keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
5.	Universitas Lambung Mangkurat, Indonesia	Dimeterai pada 23/04/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan Keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

6.	Universitas Pendidikan Indonesia, Indonesia	Dimeterai pada 23/04/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan Keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
7.	Universitas Negeri Malang, Indonesia	Dimeterai pada 23/04/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan Keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
8.	Heilongjiang Academy of Sciences, China	Dimeterai pada 26/11/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
9.	Linyi University, China	Dimeterai pada 26/11/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
10.	Harbin Engineering University, China	Dimeterai pada 26/11/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
11.	Kuala Lumpur & Selangor Africa Asia Destitute Relief Friendship Association (ADRF Malaysia)	Dimeterai pada 14/12/2012 Kerjasama dalam bidang berkaitan keusahawanan, perniagaan serta bidang akademik lain yang berkaitan. Skop kerjasama meliputi usahasama dalam pertukaran staf dan pelajar, penyelidikan bersama, penerbitan dan sebagainya.	Pusat Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insaniah

Selain daripada menyemak dan menyediakan dokumen di atas, Pejabat PUU bertanggungjawab mengendalikan tatatertib staf dan perisytiharan harta staf.

Pejabat PUU telah mendapatkan kelulusan daripada pihak berkuasa negeri iaitu Pejabat Tanah dan Jajahan Kota Bharu berkaitan Lesen Pendudukan Sementara (TOL) bagi kawasan di UMK Kampus Kota untuk tempoh tiga (3) tahun bermula pada 1 Januari 2012 hingga 31 Disember 2015. Pejabat PUU juga dalam tindakan untuk mendapatkan pemilikan kekal bagi kawasan tersebut.

Pejabat PUU turut terlibat di dalam penggubalan Perintah Universiti dan Kolej Universiti (Perlembagaan Universiti Malaysia Kelantan) (Pindaan) 2012. Perintah ini telahpun diwartakan sebagai P.U. (A) 407 pada 22 November 2012.

Pejabat PUU juga telah menyediakan Panduan Mengenai Peraturan Melaksanakan Pekerjaan Luar dan Borang Permohonan untuk Pekerjaan

Luar bagi Staf Universiti Malaysia Kelantan yang mula berkuatkuasa pada September 2012. Staf yang ingin melakukan pekerjaan luar hendaklah mematuhi Peraturan 4, Jadual Kedua, Bahagian II, Akta Badan-badan Berkanun (Tatatertib dan Surcaj) 2000 [Akta 605]. Panduan tersebut menyatakan syarat-syarat yang perlu dipatuhi dan cara permohonan perlu dibuat.

Pejabat PUU turut menyediakan dan menyemak Kod Tatakelakuan Pelajar, Persatuan, Pertubuhan, Badan Atau Kumpulan Pelajar Dalam Aktiviti-Aktiviti Politik UMK dan Kod Tatakelakuan Aktiviti-Aktiviti Politik Di Dalam Kampus dan Peraturan Lalulintas UMK. Kedua-duanya masih dalam tindakan untuk mendapatkan kelulusan pihak Universiti.



Di samping itu, Pejabat PUU turut menambah bilangan firma peguam sebagai firma panel UMK. Pelantikan firma panel adalah penting bagi membantu pihak Universiti dalam hal ehwal perundangan yang rumit dan memerlukan pihak Universiti diwakili peguam.

Berikut adalah senarai Panel Peguam UMK :

BIL.	PANEL PEGUAM	ALAMAT, TELEFON/FAKS/EMEL	TEMPOH PELANTIKAN (2 TAHUN)
1.	Rithauddeen & Aziz Rakan kongsi yang akan bertanggungjawab bagi pihak UMK: • En. Wan Mohd Zuhdi Wan Abdullah	Tingkat 6, Bangunan PKINK, Jalan Tengku Maharani, 15000 Kota Bharu, Kelantan No. Tel: 09-748 1188 / 1891 No. Faks : 09-744 4820 Emel: riazza@streamyx.com	1 Oktober 2011 hingga 30 September 2013

2.	Azhar Fazuny	No. F3, Lot 478, Seksyen 14 Jalan Bayam 15200 Kota Bharu Kelantan No. Tel: 09-747 4234/ 4232/4636 No. Faks: 09-747 4372 Emel: azharfazuny@yahoo.com	1 Oktober 2011 hingga 30 September 2013
3.	Khalek Awang & Associates Rakan kongsi yang akan bertanggungjawab bagi pihak UMK: • Encik Khalek Bin Awang (H/P : 019-2734253 / 016-2121202) • En. Nor Hafeez Bin Nurul Hadi (H/P : 019-3852316)	Ibu Pejabat : 59-3, Tingkat 3, Block E Platinum Walk No. 2, Jalan Langkawi 53300 Setapak, Kuala Lumpur No. Tel: 03-4142 8281 (Hunting)/ 4142 5281 / 4142 4281 / 4142 1281 No. Faks: 03-4142 0281 Emel: admin@khalekawang.com khalekawang@yahoo.com www.khalekawang.com Pejabat Kelantan : F-11, Tingkat 1, D'Mara Medan Niaga Mara Bachok Jalan Besar, Bandar Bachok 16300 Bachok, Kelantan No. Tel: 09-778 7799/ 7798 No. Faks: 09-778 7790 Emel: khalek68@streamyx.com	1 Disember 2012 hingga 31 November 2014
4.	Azmat Ravi & Associates	Lot 725, Tingkat 1 Jalan Tengku Petra Semerak 15000 Kota Bharu Kelantan No. Tel: 09-744 6272 / 09-743 6922 No. Faks: 09-747 7155 Emel: azmatravi.kotabharu@yahoo.com azmatravi.kotabharu@gmail.com Cawangan Kuala Lumpur : B2-3-9, Solaris Dutamas No. 1 Jalan Dutamas 1 50480 Kuala Lumpur. No. Tel: 03-6205 4361 Emel: azmatravikl@gmail.com	1 Disember 2012 hingga 31 November 2014

5.	Abdul Razak Muhidin & Associates	Cawangan Kelantan: Lot 235 Tingkat 1(Timur), Kompleks Yakin Jalan Gajah Mati 15000 Kota Bharu Kelantan No. Tel: 09-747 2611 / 019-388 9014 No. Faks: 09-747 2611 Emel: hamiza.arm@gmail.com Ibu Pejabat: No. 2B, Jalan 3/69, Seksyen 3 Tambahan 43650 Bandar Baru Bangi Selangor Darul Ehsan No. Tel: 03-8920 4380 No. Faks: 03-8920 4378 Emel: abdulrazakmuhidin.associates @ gmail.com	1 Disember 2012 hingga 31 November 2014
6.	Tetuan Fauzana Nurihan & Harwani	Ibu Pejabat : Lot 1461-C, Tingkat 1, Wisma Destiny Depan Kompleks Balai Islam Lundang Jalan Sultan Yahya Petra 15200 Kota Bharu, Kelantan No. Tel & Faks: 09-743 1694 Cawangan : Lot 860-A, Tingkat 1 Jalan Pengkalan Chepa 15400 Kota Bharu, Kelantan No. Tel: 09-771 7870/ 7878 No. Faks: 09-771 7877 Lot A1.6 & 1.7, Tingkat 1 Plaza MARA Pasir Puteh, Jalan Kota Bharu 16800 Pasir Puteh, Kelantan No. Tel: 09-786 4922 No. Faks: 09-786 2922	1 Disember 2012 hingga 31 November 2014



KURSUS ANJURAN PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG, UMK

Pejabat Penasihat Undang-Undang turut menganjurkan Taklimat Kepentingan Melindungi Maklumat Rahsia Kerajaan UMK 2012, di Sutera Inn Prima, Kota Bharu, Kelantan pada 26 Disember 2012.

Taklimat ini disertai oleh semua Setiausaha Pejabat dan Pemandu Kenderaan, UMK. Taklimat ini amat penting kepada semua staf bagi menjamin tidak berlaku ketirisan apa jua jenis maklumat rahsia Kerajaan dalam apa jua bentuk sekalipun.

Penceramah :

- Prof. Datuk Abdul Halim bin Sidek, Penasihat Undang-Undang, UMK
- YDH. ACP Azham bin Othman Ketua Polis Daerah Kota Bharu, (Perasmi dan Penceramah)
- YBhg. DSP Zaidi bin Mahmood, Pegawai Turus E6, Ibu Pejabat Polis Kotinjen Kelantan
- Pn. Adni binti Abu Hassan Sha'ari, Penolong Pendaftar Kanan, Pejabat Penasihat Undang-Undang, UMK

Objektif:

- memberi pendedahan, memahami dan mematuhi pada setiap masa Akta Rahsia Rasmi 1972;
- menjaga kerahsiaan maklumat sulit kerajaan dengan sebaik mungkin pada setiap masa termasuk setelah meninggalkan perkhidmatan;
- memberi pendedahan bahawa tindakan tatatertib dengan hukuman sehingga buang kerja boleh dikenakan terhadap staf yang melanggar peraturan yang telah ditetapkan; dan
- menjadi lebih bertanggungjawab dan berintegriti dalam menguruskan maklumat sulit kerajaan.

Berikut merupakan gambar-gambar sepanjang taklimat diadakan.





HAL EHWAL PELAJAR



PEMBANGUNAN PELAJAR

Universiti sentiasa berusaha memantapkan dan memperkasakan pembangunan modal insan secara bersepadu dan menyeluruh demi kemakmuran negara. Antara usaha yang giat dilaksanakan adalah meningkatkan kualiti dan kemahiran insaniah pelajar yang akan bergraduasi. Usaha ini selaras dengan Pelan Strategik Pengajian Tinggi Negara (PSPTN) yang berhasrat melahirkan modal insan bagi menyokong teras Misi Nasional dalam meningkatkan keupayaan pengetahuan dan inovasi negara serta memupuk minda kelas pertama. Pembentukan modal insan yang berkualiti ini adalah perlu bagi meningkatkan kebolehpasaran pelajar agar memenuhi kehendak pasaran dan industri.

• PENERAPAN NILAI-NILAI DAN ATRIBUT KEUSAHAWANAN DALAM AKTIVITI PELAJAR

Universiti komited dalam melahirkan graduan usahawan (*enterprising graduates*) dan usahawan graduan (*graduate entrepreneurs*). Salah satu usaha yang dilaksanakan adalah dengan menerapkan nilai-nilai dan atribut keusahawanan dalam semua aktiviti pelajar sama ada aktiviti yang berbentuk kesukarelawanan, debat, kepimpinan, kebudayaan, sukan, kemasyarakatan dan

sebagainya. Para pelajar yang melibatkan diri secara aktif dalam program-program sedemikian diharapkan dapat melahirkan graduan yang berminda usahawan bagi menepati kehendak pasaran kerja atau usahawan graduan yang kreatif dalam meneroka peluang perniagaan dan mampu menyediakan peluang pekerjaan kepada masyarakat.

• **PENGURUSAN HAL EHWAL PELAJAR**

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni) menerajui pengurusan dan pentadbiran hal ehwal pelajar universiti. Bagi melancarkan operasi harian hal ehwal pelajar, beliau dibantu oleh seramai 50 orang staf iaitu 18 orang pegawai Kumpulan Pengurusan dan Profesional serta 32 orang staf pelaksana. Bahagian/Unit yang menguruskan operasi

harian hal ehwal pelajar adalah terdiri daripada Pusat Ko-Kurikulum, Pusat Kesihatan Universiti, Unit Kaunseling Kerjaya & Alumni, Unit Islam dan Pembangunan Nilai (UNIPEN), Bahagian Pentadbiran & Kewangan, Unit Pembangunan Pelajar & Keusahawanan, Unit Tatatertib & kebajikan Pelajar dan Unit Perumahan Pelajar.

• **PROGRAM PEMERKASAAN SAHSIAH PELAJAR 2012**



Dalam usaha memperkasakan sahsiah dan kemahiran insaniah pelajar, pihak pengurusan hal ehwal pelajar telah menganjurkan dan menguruskan penyertaan pelajar bagi mengikuti program sepanjang 2012 mengikut teras-teras tertentu.

Antara program utama pelajar yang memberikan impak besar dan menjadi tumpuan ialah :-

BIL	PROGRAM	JUMLAH PENGLIBATAN PELAJAR
Teras Keusahawanan		
1	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) 2012	30
2	Kembara Entrepertasi di Bumi Anbiya'	40
3	Social Enterprise for Economic Development (SEED) di Kuala Betis, Gua Musang	30
4	Pesta Konvokesyen UMK 2012	80
5	Social Enterprise for Economic Development (SEED) di Bandung	4
6	City Campus Carnival 2012	500
7	Karnival Usahawan Siswa 2012	200



Teras Kesukarelawanan		
1	Gotong Royong Perdana Bersama Masyarakat Bachok	600
2	Seminar Aspirasi Mahasiswa: Discovery Of Social Entrepreneurship (DOSE) 2012	140
3	UMK Earth Hour 2012 di Kampus Pengkalan Chepa dan Jeli	850
4	Program Tranformasi Motivasi dan Pendidikan (Matematik dan Sains)	35
5	Step Towards Ambitious Realization (STAR '12)	20
6	Semaian Bakti Siswa (SEMAI)	30
7	Program Pendidikan Kesihatan dan Derma Darah Peringkat Universiti	200
8	Program Transformasi Sosial (baktiswa) di Sabak Bernam, Selangor	40
9	Gotong royong perdana UMK Kampus Jeli	600
10	Program Majlis Sambutan Hari Raya Aidiladha Peringkat UMK Kampus Jeli	300



Teras Kepimpinan

1	Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1433H	100
2	Program Pengantarabangsaan MPP - Delegasi Akademik dan Keusahawanan ke Negara Australia 2012	10
3	Program 1T for 1S : One Team for One Spirit 2011 / 2012	30
4	Kursus Mahasiswa Unggul Pelapis MPP 2012	5
5	Master Your Leadership	30
6	Kursus Kepimpinan Mahasiswa UMK siri 1/2012	40
7	Kursus Pra Perkahwinan	125
8	Hari Kolaborasi Ko-Kurikulum dan Usahawan 2012	900
9	GREAT (Program Latihan Pemantapan Graduan)	40
10	Perhimpunan Kor SISPA kali ke 3 (UMT)	70
11	EXPOSURE : Take Charge! New Student	460
12	Pilihanraya Kampus	4,500
13	Program Ibadah Korban	200
14	Program Jalinan Mesra PRS : Family Day PRS Bukit Keluang	74
15	Majlis Permuafakatan Assyuraa'	600
16	Kursus kepimpinan dan Team Building Majlis Perwakilan Pelajar dan Majlis Tertinggi Jawatankuasa Kolej Kediaman (JKK) di Tanah Aina Resort, Pahang	26
17	Program Back To Basic	120
18	Program Jejak Mahasiswa 1Malaysia Ke Parlimen	32
19	Program 1T for 1S : One Team for One Spirit 2012 / 2013	58

Teras Kebudayaan

1	Majlis Anugerah Citra Seni (MACIS) 2012	80
2	Malam Salam Budaya 2012	80
3	Bengkel Penulisan Modul Dikir Barat MAKUM 2012	30
4	Bengkel Mak Yong MAKUM II 2012	50
5	Festival Kebudayaan Universiti-Universiti Malaysia (FESTKUM) 2012	40
6	Malam Kebudayaan Borneo	40
7	Malam Pengenalan Kebudayaan dan Majlis Penutup Karnival Sukan UMK Kampus Jeli	600
8	Pesta Tanglong (Majlis Sambutan Perayaan Kuih Bulan)	600

Teras Sukan		
1	Karnival Sukan FPV	300
2	Sukan Masum Siri 2 - UniMAP	18
3	Liga Bola Sepak Piala Menteri Pengajian Tinggi - Johan Zon Timur	25
4	Karnival Sukan Masum 2012 - UNIMAS	25
5	Karnival Sukan Masum 2012 - UNIMAS	25
6	Kejohanan Sukan Air Masum 2012 - Putrajaya (Kayak & Rowing)	25
7	Liga Futsal KPT 2012	18
8	Anugerah Sukan Masum 2012	12
9	Pertandingan Akhir Zon Kelayakan Bola Sepak KPT 2012	25
10	Klinik Pengendalian Sukan Air (Rowing & Kayak) serta Pemilihan Atlit Bagi Kejohanan Varsity Boat Race 2012	25
11	Program KPT - UMP Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012	15
12	Kejohanan Varsity Boat Race 2012	75
13	Karnival Sukan MASUM 2012 Fasa 2, UTHM & UTM	29
14	Kejohanan Futsal dan Bola Jaring Terbuka IPT Pantai Timur 2012 (Kejohanan Futsal Pesta Konvokesyen Kali Ke 2 UMK 2012)	84
15	Kejohanan Bola Sepak Piala MASUM 2012	25
16	Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2012)- Kayak dan Kejohanan Varsity Boat Race 2012	30
17	Kejohanan Ragbi 10'S Piala Naib Canselor UPNM 2012	17
18	Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 2012	53
19	Karnival Sukan Mahasiswa (KRISMA) 2012 (Sukan UMK Jeli)	940
20	Kejohanan Boling Padang Terbuka Terengganu 2012	12

MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR, PERSATUAN DAN KELAB


• MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR (MPP)

Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) Sesi 2012/2013 dibarisi oleh empat belas orang pelajar yang diketuai oleh Saudara Muhammad Amerul Bin Muhamad sebagai Yang Dipertua MPP dan dibantu oleh tiga Naib Yang Dipertua (NYDP) iaitu Saudara Ahmad Hanif Bin M. Amin selaku NYDP Kampus Kota, Saudara Nik Ahmad Fadhil Bin Nik Mayudin selaku NYDP Kampus Jeli dan Saudara Muhammad Adli Hakim Bin Dzulkamal selaku NYDP Kampus Bachok. Lima

exco telah diwujudkan bagi memantapkan pengurusan dan menjaga kebajikan hal ehwal pelajar. Biro-biro tersebut adalah Biro Kebajikan & Infrastruktur, Biro Akademik, Insaniah & Rohaniah, Biro Integrasi Komuniti, Keusahawanan & Pengantarabangsaan, Biro Sukan, Kesenian & Kebudayaan serta Biro Informasi, Penerangan & Multimedia.

• PERSATUAN DAN KELAB PELAJAR

Sehingga tahun 2012, sejumlah 42 buah persatuan/kelab pelajar telah berdaftar di universiti. Kesemua persatuan/kelab pelajar dapat diringkaskan mengikut teras sepertimana jadual di bawah:



PENGANTARABANGSAAN PELAJAR

UMK sentiasa memberi galakan dan peluang kepada para pelajar untuk menimba ilmu pengetahuan melalui program pengantarabangsaan ke luar negara. Program sebegini mampu melahirkan mahasiswa yang lebih berketrampilan, kreatif, berfikir global dan boleh menimba pengalaman yang luas menerusi pemerhatian dan interaksi dengan masyarakat antarabangsa. Program pengantarabangsaan pelajar yang telah dianjurkan adalah:



BIL	PROGRAM	TARIKH	BIL. PELAJAR
1	Program Pengantarabangsaan MPP - Delegasi Akademik dan Keusahawanan ke Negara Australia 2012	10 - 16 Februari 2012	10
2	Program 3rd Regional Convention On Student Development di Bandung	9 - 11 April 2011	8
3	Kembara Entreprensi di Bumi Anbiya'	10 - 22 April 2012	40
4	Social Enterprise for Economic Development (SEED) di Bandung	29 Oktober - 9 November 2012	4
5	Program Hold MyHand Bersama Masyarakat Kampung Cinimbang, Bandung	18 November 2012	5



PENGINAPAN PELAJAR

Universiti sentiasa mengambil berat dalam aspek kebajikan pelajar khususnya dalam mewujudkan kemudahan penginapan dan persekitaran pembelajaran yang kondusif. Pada masa ini, para pelajar UMK ditempatkan di empat (4) lokasi kediaman pelajar iaitu:

- Kolej Kediaman Pelajar, Kampus Pengkalan Chepa;
- Kolej Kediaman Pelajar, Kampus Jeli;
- Kolej Kediaman Pelajar Taman Bator Harmoni, Kampus Bachok; dan
- Pangsapuri Seri Kemumin, Padang Tembak, Pengkalan Chepa;

Selain itu, 2 asrama yang berkonsepkan *Industrialised Building System* (IBS) turut dibina di Kampus Bachok dengan kapasiti 800 orang pelajar dan Kampus Jeli dengan kapasiti 600 orang pelajar. Pembinaan ini adalah untuk menampung pertambahan pelajar di kedua-dua kampus di samping memastikan persekitaran asrama yang selesa dan kondusif serta berfungsi sebagai tempat pembelajaran tidak formal.

PENAJAAN PENGAJIAN

Pada tahun 2012, pihak UMK telah berjaya mendapatkan tajaan kepada 87% siswa dan siswi dalam bentuk pinjaman dan biasiswa daripada agensi seperti:

- Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN);
- Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia (JPA);
- Majlis Amanah Rakyat (MARA);
- Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP);
- Yayasan Tunku Abdul Rahman;
- Permodalan Nasional Berhad (PNB);
- Kuok Foundation Berhad;
- Jabatan Kemajuan Orang Asli (JAKOA);
- JPA Sabah;
- Pejabat Setiausaha Negeri Selangor;
- Yayasan Negeri (Kelantan, Negeri Sembilan, Pahang, Johor, Selangor)



DERMASISWA / BANTUAN PELAJARAN/ ZAKAT

Universiti prihatin dengan para pelajar yang mengalami masalah kewangan khususnya yang datang daripada keluarga yang kurang berkemampuan. Sehubungan itu, universiti telah mengambil inisiatif untuk menjalinkan kerjasama dengan syarikat, agensi dan institusi kewangan bagi memberi sumbangan dalam bentuk dermasiswa, bantuan pelajaran dan zakat perniagaan. Universiti telah membuat

tapisan dan mengenalpasti pelajar-pelajar yang kurang berkemampuan untuk diberikan bantuan tersebut. Universiti merakamkan penghargaan kepada agensi/institusi kewangan yang sudi menghulurkan sumbangan untuk diagihkan kepada para pelajar yang memerlukan. Senarai agensi/institusi kewangan adalah sepertimana berikut :

BIL	PENAJA	AMAUN (RM)	BIL. PELAJAR
1	Yayasan Tunku Abdul Rahman (TAR)	30,000.00	20
2	Bank Islam Malaysia Berhad	50,000.00	50

KEMUDAHAN PINJAMAN JANGKA PENDEK

Universiti telah menyediakan kemudahan pinjaman jangka pendek tanpa faedah untuk membantu pelajar yang kurang berkemampuan. Untuk mengurangkan beban pelajar bagi melakukan pembayaran balik, pelajar diberi untuk membuat bayaran balik pinjaman secara bulanan pada jumlah yang rendah dan mampu bayar. Pada tahun 2012, seramai 58 orang pelajar telah menerima kemudahan ini dengan amaun tidak melebihi RM1,000.00 untuk setiap pemohon.

SKIM PELAJAR BEKERJA

Skim Pelajar Bekerja diperkenalkan bertujuan untuk melatih para pelajar dengan budaya korporat, melatih sikap kebertanggungjawaban di samping mengaplikasikan kemahiran insaniah yang dipelajari. Para pelajar yang dilantik di bawah skim ini akan ditempatkan di pelbagai pusat tanggungjawab (PTj) yang telah dikenalpasti di universiti. Skim ini telah dikemaskini pada tahun 2012 dan seramai 45 orang pelajar telah dilantik oleh Jabatan Hal Ehwal Pelajar untuk ditempatkan di pelbagai jabatan.

PERKHIDMATAN PELAJAR



PUSAT KESIHATAN UNIVERSITI

Pusat Kesihatan Universiti bertanggungjawab menyediakan perkhidmatan kesihatan bagi memastikan tahap kesihatan pelajar dan staf berada pada tahap optimum. Perkhidmatan doktor lokum juga digunakan apabila pegawai perubatan terlibat dengan cuti atau tugas luar kampus.

- Prestasi Klinik Kesihatan Sepanjang Tahun 2012

Perbandingan Statistik Kedatangan Pesakit Luar Tahun 2011 dan 2012 adalah seperti jadual berikut:

KATEGORI	2011	2012	PERTAMBAHAN
PELAJAR	3442	5421	1799 (52.25%)
STAF	1397	1273	(-)124 (- 8.89%)
TANGGUNGAN & LAIN2	409	16	(-)393 (->96.00%)
JUMLAH	5228	6694	1466(28.00%)

KAJIAN PENGESANAN GRADUAN



Selepas para graduan menamatkan pengajian di UMK, pihak universiti sentiasa mengemaskini status kebolehpasaran graduan bagi tujuan pemantauan dan laporan. Maklumat ini amat diperlukan bagi mengukur tahap kebolehpasaran graduan yang telah dilahirkan oleh universiti dan

melaksanakan penambahbaikan dalam program-program pembangunan sahsiah pelajar pada masa akan datang.

Status pekerjaan graduan 2012 adalah seperti berikut:

BIL	STATUS GRADUAN	BIL. PELAJAR	PERATUSAN
1	Tidak Bekerja	29	11.0
2	Bekerja	114	43.2
3	Sambung belajar	20	7.6
4	Meningkatkan kemahiran	7	2.7
5	Menunggu Penempatan Kerja	94	35.6
JUMLAH		264	100

**Data dikemaskini sehingga Oktober 2012*

Sebanyak 43% graduan tahun 2012 telah berjaya menempatkan diri dipelbagai sektor pekerjaan. Ini membuktikan bahawa graduan universiti diterima oleh industri dan menepati kehendak pasaran kerja semasa. Dalam pada itu, seramai 6 orang daripada keseluruhan graduan (264 orang) telah menceburi dan terlibat secara aktif dalam bidang keusahawanan.



KEMUDAHAN INFRASTRUKTUR DAN KECERIAAN UNIVERSITI



PEMBANGUNAN FIZIKAL KAMPUS BACHOK

PROJEK ASRAMA SEMENTARA PELAJAR

Projek pembinaan asrama sementara pelajar di Kampus Bachok yang bernilai hampir RM8 juta telah dimulakan pada Jun 2012 dan telah siap pada awal tahun 2013. Bangunan asrama yang merangkumi lapan buah blok bangunan dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada sesi pembelajaran semester 2 2012/2013 iaitu pada bulan Februari 2013. Pembinaan asrama sementara ini telah menggunakan konsep *Industrialised Building System* (IBS) yang ternyata dapat disiapkan dalam tempoh yang pendek.

Asrama yang dibina di atas tapak seluas empat ekar ini dapat menampung seramai 800 orang pelajar yang dilengkapi dengan prasarana termasuk jalan dalaman, tempat letak kenderaan pelajar serta sebuah pejabat asrama yang memudahkan pelajar untuk berhubung dengan pengurusan asrama. Lokasinya juga sangat strategik dengan kedudukannya berhampiran dengan bangunan Fakulti Teknologi Kreatif & Warisan serta Bangunan Akademik & Pembelajaran



KEMUDAHAN DAN KECERIAAN

• JALAN SUSUR KELUAR DAN POS KAWALAN KESELAMATAN

Projek pembinaan Jalan Susur Keluar dan Pos Kawalan Keselamatan di 'Pintu Masuk Utama' kampus yang bernilai hampir RM200 ribu telah mula dibina pada Februari 2011 dan siap serta beroperasi sepenuhnya pada Jun 2012. Skop projek ini melibatkan penambahan jalan susur keluar, sebuah pos kawalan keselamatan berkonsepkan 'minimalise' dan tempat letak kenderaan. Projek ini dibina bertujuan untuk kawalan dan keselesaan pergerakan keluar masuk kenderaan di kampus.

• TAMAN RIADAH TASIK UNIVERSITI

Projek pembangunan Taman Riadah Tasik Universiti Fasa 1 melibatkan penanaman pelbagai pokok hiasan & lindungan, pembinaan wakaf-wakaf tradisional dan sebuah air pancut dengan kos projek kira-kira RM 180 ribu. Projek ini dibina di sekitar kawasan kolam tadahan kampus dimulakan pada Jun 2012 dan dijangka siap pada awal tahun 2013 bertujuan menambah keindahan dan nilai estetika kampus.

• SHOWCASE RUSA DAN BURUNG UNTA

Projek *Showcase* Rusa merangkumi pembinaan dua buah *paddock* rusa, *feeding station* lengkap dengan sebuah setor dan pejabat serta kawasan tanaman rumput makanan. Manakala projek *Showcase* Burung Unta melibatkan pembinaan tiga buah *paddock* lengkap dengan *feeding station*. Terdapat 24 ekor rusa dan 6 ekor burung unta ditempatkan di *Showcase* Rusa dan Burung Unta tersebut. Projek yang telah dimulakan pada Jun 2012 dengan kos keseluruhan projek sekitar RM 350 ribu telah siap pada November 2012 bertujuan sebagai tarikan pelawat dan pelengkap kepada Taman Riadah Tasik Universiti selain berfungsi menjadi makmal lapangan Fakulti Perubatan Veterinar.



• PROJEK BANGUNAN 'TENIAT'

Projek pembinaan empat (4) buah bangunan yang berkonsepkan 'Teniat' atau 'Studio' bernilai RM1.9 juta ini adalah berciri seni dan teknologi pembinaan rumah Melayu bagi tujuan kemudahan pengajaran dan pembelajaran serta penyelidikan dan warisan peradaban di Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan. Projek ini telah bermula pada bulan Ogos 2012 dan dijangka siap keseluruhan pembinaannya pada bulan Mac 2013.

'Teniat' adalah salah satu warisan agung dalam peradaban seni bina Melayu yang bukan sahaja melibatkan keagungan sumber jenis kayu-kayan di negara ini, malah memaparkan kandungan dan struktur seni serta teknologi warisan dalam semua aspek iaitu seni halus, seni reka, seni ukir termasuk ketokohan tukang-tukang rumah Melayu dalam merekacipta dan membina konsep.

Bangunan 'Teniat' ini akan berfungsi sebagai studio bagi program yang ditawarkan iaitu Program Seni Bina, Seni Halus, Seni Reka, Seni Media, Seni Persembahan dan Muzik, Teknologi Seni Digital, Warisan dan Falsafah dimana mampu menampung kuliah, tutorial, latihan praktikal dan latihan penghasilan produk.



PROJEK PEMBINAAN BANGUNAN DAN INFRASTRUKTUR KAMPUS FASA 1

Projek pembinaan kampus Fasa 1 yang bernilai RM37.5 juta telah dimulakan pada Julai 2009 dan siap serta beroperasi sepenuhnya pada April 2012. Projek pembinaan ini merangkumi tiga komponen iaitu bangunan Fakulti Agro Industri & Sumber Asli, Makmal Fakulti & Penyelidikan serta Dewan Peperiksaan.


Projek pembinaan kampus Fasa 1 ini dibina di atas tapak seluas 40 ekar bertujuan untuk memberi kemudahan pengajaran & pembelajaran yang kondusif kepada pelajar untuk menimba ilmu.

PROJEK ASRAMA SEMENTARA PELAJAR

Projek pembinaan asrama sementara pelajar di Kampus Jeli ini yang bernilai hampir RM6 juta telah dimulakan pada Jun 2012 dan dijangka siap pada pertengahan tahun 2013. Bangunan asrama yang merangkumi enam buah blok bangunan dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya pada sesi pembelajaran semester 1 2013/2014 iaitu pada September 2013. Pembinaan asrama sementara ini juga menggunakan konsep *Industrialised Building System* (IBS) boleh disiapkan dalam tempoh yang pendek, walaupun bagaimanapun disebabkan oleh keadaan tapak yang berbukit bukau serta cuaca di kawasan tersebut yang di luar jangkaan memperlambatkan kemajuan pembinaan.

Asrama yang dibina di atas tapak seluas empat ekar ini dapat menampung kapasiti pelajar seramai 600 orang yang dilengkapi dengan prasarana termasuk jalan dalaman, tempat letak kenderaan pelajar serta sebuah pejabat asrama yang memudahkan pelajar untuk berhubung dengan pengurusan asrama. Lokasinya terletak di kawasan kaki bukit dan dikelilingi persekitaran yang hijau dan menyamankan.





PEMBANGUNAN KOLEKSI PERPUSTAKAAN

Sehingga Disember 2012, perpustakaan telah mempunyai koleksi bahan fizikal meliputi buku dan bahan audiovisual sebanyak 85,683 naskah dan 210 judul bahan bersiri (Jurnal dan Majalah). Perpustakaan juga telah mempunyai lebih kurang 17 pakej pangkalan data atas talian yang mengandungi koleksi e-jurnal, e-book dan sebagainya.



Senarai Pangkalan Data Atas Talian yang dilanggan adalah seperti berikut :

- *Infotrac Gale Databases*
- *Islamic Finance News*
- *Global Books In Print*
- *Britannica Online Academic Edition*
- *SAGE Reference Online*
- *Books24x7*
- *Cambridge University Press e-Book*
- *Ebscohost*
- *CABI eBooks*
- *Proquest Dissertation*
- *JetP*
- *Gale Virtual Reference Library*
- *Taylor & Francis Ejournal*
- *Proquest Entrepreneurship*
- *Proquest Natural Science*
- *ABI/INFORM Complete*
- *Thomson Reuters Web of Knowledge (SM) Access*



KEMUDAHAN DAN KECEERIAAN

• PADANG BOLA SEPAK

Projek pembinaan sebuah Padang Bola Sepak dengan kos projek keseluruhannya sekitar RM170 ribu telah mula dibina pada Mei 2012 dan siap serta beroperasi sepenuhnya pada September 2012. Projek ini dibina bertujuan untuk kemudahan sukan kepada warga kampus terutama pelajar serta program sukan bola sepak peringkat universiti dan sebagainya.

• PUSAT NIAGA SISWA

Projek pembinaan sebuah Pusat Niaga Siswa bernilai sekitar RM150 ribu keseluruhannya telah mula dibina pada April 2012 dan siap serta beroperasi sepenuhnya pada Jun 2012. Projek ini dibina bertujuan sebagai pusat kemudahan bagi aktiviti keusahawanan pelajar.

• PERPUSTAKAAN SEMENTARA

Projek ini melibatkan pengubahsuaian ruang *drop-off* dan sebahagian laluan pejalan kaki berbumbung kepada sebuah bangunan perpustakaan sementara yang boleh memuatkan seramai 70 orang pengguna. Projek pengubahsuaian lengkap dengan perabot bernilai sekitar RM300 ribu telah mula dibina pada November 2011 dan siap serta beroperasi sepenuhnya pada Feb 2012. Projek ini dibina bertujuan untuk menyediakan kemudahan pusat sumber rujukan ilmu bagi pelajar sementara menunggu pembangunan perpustakaan tetap.

PEMINJAMAN BAHAN PERPUSTAKAAN

Jumlah peminjaman bahan bagi tahun 2012 di tiga Kampus oleh pengguna perpustakaan adalah seperti berikut :

	STAFF NON- ACADEMIC	STAFF ACADEMIC	STUDENT (DEGREE)	STUDENT (PHD)	STUDENT (MASTER)	TOTAL
Control Item	-	306	-	-	4	310
Veterinary Collection - Open	22	64	568	-	9	663
References	4	124	-	-	1	129
Open Shelf	1394	2113	13416	494	743	18160
Total	1420	2607	13984	494	757	19262

PERKHIDMATAN PINJAMAN ANTARA PERPUSTAKAAN (PAP) DAN PERKHIDMATAN PEMBEKALAN DOKUMEN (PPD)

Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu juga menyediakan Perkhidmatan Pinjaman Antara Perpustakaan (PAP) berbentuk buku dan perkhidmatan Pembekalan Dokumen (PPD) berbentuk artikel. Pengguna adalah tertakluk

kepada syarat dan peraturan perkhidmatan yang telah ditetapkan oleh PERPUN.

Berikut adalah statistik perkhidmatan tersebut sepanjang tahun 2012:

PERKHIDMATAN	PAP (BUKU)		PPD (ARTIKEL)		JUMLAH
	Mohon	Dibekalkan	Mohon	Dibekalkan	
Kampus Kota	22	17	15	15	69
Kampus Bachok	25	20	6	6	57
Kampus Jeli	17	14	59	48	138
Caw. Pdg Tembak	-	-	-	-	-
Jumlah	64	51	80	69	264

PENDEKATAN *KNOWLEDGE MANAGEMENT* DALAM PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN

Sepanjang 2012 telah mentransformasikan sistem penyampaian perkhidmatan perpustakaan melalui pendekatan *Knowledge Management* dengan fokus pengupayaan ICT dalam perkhidmatan.

Pelbagai inisiatif telah dirangka bagi tujuan tersebut termasuk pembangunan satu *platform* Repositori Ilmu yang dinamakan UMK *Institutional Repository* (IR). Sistem UMK *Institutional Repository* (IR) telah dibangunkan dan telah digunakan sejak bulan Julai 2012. Sehingga Disember 2012 lebih 1586 bahan terbitan ilmiah dan korporat telah dimasukkan dan diindeks melalui sistem tersebut.

Berikut adalah pecahan bahan digital yang telah dimasukkan dalam sistem tersebut.

BIL	JENIS BAHAN	JUMLAH
1.	Artikel Jurnal/Article Journal	226
2.	Kertas Persidangan/Conference Paper	164
3.	Chapter of Book	10
4.	Buku/ Books	10
5.	Tesis & Dissertasi	14
6.	Buletin /Journal	6
7.	Keratan Akhbar/ News Paper Cutting	359
8.	Photo Gallery	107
9.	Audio Gallery	6
10.	Video Gallery	30
11.	UMK News	47
12.	Kertas Peperiksaan	607
	Jumlah	1,586



PENERBITAN DAN PEMASARAN BUKU ILMIAH

Sepanjang tahun 2012 Bahagian Penerbitan dan Harta Intelek, Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan ilmu selaku Urusetia Penerbitan UMK telah menerbitkan 7 buah buku.

Senarai judul adalah seperti berikut :

BIL	JUDUL	PENULIS	BIDANG
1.	Attaysir Fi Lughatt Arrabiyah AlIttisalliyah Volume 2	Ahmad Thalal Hassan et. al	Bidang Sains Sosial
2.	Attaysir Fi Lughatt Arrabiyah AlIttisalliyah Volume 3	Ahmad Thalal Hassan et. al	Bidang Sains Sosial
3.	Mandarin Volume 1	Lee Hui Ling	Bidang Sains Sosial
4.	Mandarin Volume 2	Lee Hui Ling	Bidang Sains Sosial
5.	Ruminant Industry	Prof. Madya Ruhul Amin	Bidang Sains
6.	Usahawan Kitar Semula di Kelantan dan Terengganu	Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Yaacob	Bidang Sains Sosial
7.	Keusahawanan Kecil Melayu : Isu dan Penyelesaian	Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Yaacob	Bidang Sains Sosial
8.	Entrepreneurial Education and Entrepreneurship in Malaysia Volume 2	Prof. Dr. Mohd Dahlan Ibrahim & Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Yaacob	Bidang Sains Sosial
9.	Phd Mengajar Semula Sebuah Harapan	Prof. Madya Dr. Mohd Rafi Yaacob	Bidang Sains Sosial

Dengan penambahan bilangan judul yang diterbitkan, keseluruhannya bilangan judul buku yang telah diterbitkan adalah sebanyak 21 judul.

Sepanjang tahun 2012 juga, buat pertama kalinya Penerbit UMK telah menjual dan memasarkan buku yang telah diterbitkan. Hasilnya pada tahun 2012, Pihak Penerbit telah menjual 543 naskah buku yang keseluruhannya berjumlah sebanyak RM10,144.00.


KEMUDAHAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI

PEMBANGUNAN SISTEM BAGI TAHUN 2012

Pada tahun 2012, hampir kesemua sistem dalam IMS (staf dan pelajar) telah digunakan sepenuhnya. Malah sesetengah modul sedang dalam proses perancangan untuk di buat penambahbaikan. Antaranya ialah :-

Walaupun bagaimanapun pada tahun 2012, Bahagian Pembangunan Aplikasi telah membangunkan 2 modul baru iaitu Modul gaji SBPA dan e-Pergerakan bagi membantu melicinkan lagi pentadbiran di UMK

BAHAGIAN PEMBANGUNAN APLIKASI



MODUL GAJI SBPA 2012

Pada tahun 2012, Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) telah memperkenalkan Sistem Saran Baru Perkhidmatan Awam. Oleh itu untuk menyelaraskan semula data-data gaji satu modul baru telah dibangunkan, bagi membantu pihak Bahagian Sumber Manusia dan Bendahari melakukan proses pembayaran gaji. Dalam modul ini, skrin terbahagi kepada 2 iaitu :-

- Kenaikan Gaji Skim SSM 2012
- Kenaikan Gaji Tahunan 2012

Bagi memudahkan proses pelaksanaan skim gaji baru, sistem akan mengeluarkan secara automatik senarai nama staf yang layak, tangga gaji dan gaji terkini, kenaikan yang dapat dan gaji baru. Pengguna hanya perlu membuat semakan terhadap data yang dipaparkan.

Bil	No Staf	Nama	Gred	Tangga	Gaji Asal (RM)	Kenaikan (%)	Kenaikan (RM)	Gaji Baru (RM)
1	000020	Orhan Hajar Ahmad Bin Yusoff	W14	P111		13		
2	000018	Kalina Bt Abdullah	W14	P112		13		
3	000048	Rozali Bin Md Saad	R2	P113		13		
4	000050	Mohd Azim Bin Yusoff	R2	P113		13		
5	000087	Nor Firdaus Bt Mohd Niaz	N17	P119		13		
6	000078	Cusma Bin Nuzul Nuzul	R3	P112		13		
7	000088	Mohd Izam Razza Bin Zakaria	R22	P118		13		
8	000085	Corana Bt Che Hassan	R22	P118		13		
9	000108	Reza Bin Dillah	N17	P113		13		

Paparan Kenaikan Gaji Skim SSM 2012

Manakala untuk menu Kenaikan Gaji Tahunan 2012, modus operandi sama seperti kenaikan gaji skim SSM 2012 di mana semua staf yang layak untuk naik gaji akan dipaparkan bersama gaji baru (SSM2012). Pengguna hanya perlu memasukkan

nilai kenaikan yang layak manakala pengiraan gaji selepas kenaikan akan dibuat secara automatik oleh sistem dan pengguna perlu membuat semakan sebelum meluluskan kenaikan tersebut.

Bil	No Staf	Nama	Gred	Gaji 2012 (RM)	KOT (RM)	Gaji Baru (RM)
1	00447B	Mohd Sufian Bin Nawawi	KP11			
2	00514B	Amal Saufi Bin Mohd Nawi	C17			
3	00524A	Wan Zaman Bin Mohamed	W17			
4	00540B	Mohd Nasir Bin Ahmad	R3			
5	00544B	Suhani Bin Che Hassan	R3			
6	00550A	Nurhuda Binti Nordin	DA41			
7	00556A	Mohd Hafzal Bin Abdul Halim	DS45			
8	00565U	Abni Bin Alias	KP11			
9	00006B	Nor Firdaus Bt Mohd Nor	N17			
10	00007B	Sulmi Bin Mohd Noor	R3			
11	00010B	Reza Bin Dillah	N17			
12	00012B	Abd. Aziz Bin Masud	N22			
13	00014B	Mansor Bin Che Din @ Noordin	F40			
14	00017B	Nur Firdawati Binti Shamsuddin	N18			
15	00019A	Ab Aziz Bin Shuali	DS53			
16	00022B	Farah Azzah Bin Ali	N27			
17	00024B	Corana Binti Saadon	W41			
18	00032A	Farek Bin Zakaria	W17			
19	00080B	Bibi Faisa Binti Yuhani	N27			

Paparan jadual kenaikan gaji bagi tahun 2012

SISTEM E-PERGERAKAN

Sistem e-Pergerakan merupakan salah satu sistem yang terdapat dalam Sistem E-tadbir. Sistem ini dibangunkan secara berfasa. Fasa 1 : Melibatkan Staf JTMK sahaja, kemudian pada Fasa 2 : Melibatkan semua staf UMK

Objektif utama pembangunan sistem ini ialah :-

- Memudahkan proses kemasukan data
- Memudahkan proses kelulusan
- Membantu ketua PTJ memantau pergerakan staf di bawah seliaan
- Mengurangkan penggunaan kertas

Berbanding kaedah secara manual iaitu menggunakan borang yang di muat turun dari portal komuniti, banyak faedah yang diperolehi pengguna. Sebagai contoh, sebelum ini, masa yang digunakan untuk proses kemasukan data dan kelulusan mengambil masa yang agak lama. Melalui sistem ini masalah tersebut berjaya dikurangkan sepenuhnya.

PERMOHONAN PERGERAKAN KAKITANGAN	
Tarikh Permohonan	17/02/2013
Kepada	ENCIK MANSOR BIN CHE DEN @ NOORUDIN
No Pekerja	B2358
Nama Pegawai	NORADILAH BINTE ISMAIL
Jawatan	Pegawai Teknologi Maklumat (F41) - F41
Tempat Bertugas/Dilawat	
Tarikh	Hingga
Tarikh Kembali Ke Pejabat	
Tujuan Lewatan	
Alamat Boleh Dikubangi	
No Telefon	
Pegawai Pengganti (jika ada)	< Pilih >
Lampiran (Sila lampirkan dokumen yang berkaitan dengan permohonan)	Browse...

Paparan muka depan Sistem e-Pergerakan

Semua permohonan, kemasukan data oleh staf dan kelulusan oleh ketua PTJ dilakukan secara atas talian dimana tiada perlu penghantaran *hardcopy*. Ini memudahkan pengguna kerana tidak perlu lagi mengambil masa untuk memuat turun borang dari portal komuniti dan menghantar secara manual kepada ketua PTJ. Pengguna juga tidak perlu




memasukkan semula butiran diri kerana sistem ini telah di hubungkan dengan sistem maklumat staf yang terkini dikemaskini oleh pihak Bahagian Sumber Manusia. Dengan adanya sistem ini, semua staf UMK boleh mengisi tidak kira berada di mana kerana ia dapat di akses bila-bila masa dengan menggunakan portal komuniti.



Rajah 1.5 : Paparan Sistem e-Graduasi

SISTEM E-GRADUASI

Sistem ini digunakan semasa konvokesyen pertama UMK dan diperkemaskan lagi semasa konvokesyen kali ke-2 UMK. Sistem ini digunakan untuk memanggil nama graduan semasa naik ke pentas.



SISTEM ADUAN ICT DAN HELPDESK JTMK

Sistem ini telah digunakan pada tahun 2011 lagi. Melalui sistem ini, kakitangan UMK boleh melakukan aduan ICT secara online dan setiap aduan akan direkod aduan ICT demi menjamin kelancaran proses pengajaran dan pembelajaran di UMK.


Talian *Helpdesk* JTMK boleh dihubungi di talian hotline 09-771 7117. Waktu operasi adalah dari jam 8.00 pagi sehingga 6.30 petang dan dibuka semula dari jam 8.00 malam sehingga 11.00 malam.

LAIN-LAIN

MyMohes

MyMohes merupakan satu sistem maklumat dan pangkalan data Kementerian Pengajian Tinggi (KPT) berkaitan IPTA yang bertujuan untuk memperkemaskan proses penyaluran data/maklumat IPTA kepada KPT bagi membantu meningkatkan kecekapan sistem pengurusan maklumat pengajian tinggi negara.




Berikut merupakan slide Laporan Penarafan Bintang Bagi Pengumpulan Dan Penghantaran Data Ke Sistem MyMohes sesi 1 2012/2013 yang telah dibentangkan dalam Mesyuarat Kualiti Data pada 20 Disember 2012.



Rajah 1.7 : Kriteria Penarafan Bintang Sistem MyMohes



Diagram 1.1 : Draf kedudukan IPTA



PUSAT DATA

UMK kini telah dilengkapi tiga (3) buah bilik server asas yang bertempat di setiap kampus bagi menampung keperluan penggunaan server setempat. Bilik Server Kampus Kota merupakan bilik server utama yang menempatkan kesemua aset ICT kritikal universiti. Pembangunan Bilik server baru di Kampus Kota sedang berlaku bagi menggantikan Bilik Server sedia ada yang tidak dapat menampung keperluan ICT semasa.

Jumlah storan yang dibekalkan untuk kegunaan kuasa perkomputeran adalah;

- 4TB storan jenis *Fiber Channel* untuk kegunaan operasi
- 5TB storan jenis SATA untuk kegunaan sistem pendua

Penggunaan storan bagi operasi adalah 85% dan bagi sistem pendua adalah sebanyak 60%.

KEMUDAHAN ICT

E-mel UMK

Perkhidmatan emel ditawarkan kepada staf, pelajar dan alumni. Perkhidmatan emel digunakan oleh 800 staf dan 3000 pelajar dan alumni. Kapasiti storan yang ditawarkan kepada staf ialah 2GB dan pelajar ialah 25GB. Tapisan keselamatan sistem emel dilakukan melalui dua penapis spam iaitu Google Message Security dan Amavis.

Keselamatan bagi ICT dijalankan menerusi penggunaan tiga(3) jenis peralatan iaitu;

- Firewall (3 unit);
- Intrusion Prevention System (IPS) (1 unit); dan
- Unified Threat Management (UTM) (5 unit).

Audit keselamatan terhadap sistem ICT telah dijalankan dari semasa ke semasa. Ini adalah untuk menilai tahap keselamatan sistem-sistem berkenaan, mengenalpasti masalah dan kelemahan dan mencari cadangan penyelesaian. Skop audit yang dilakukan pada tahun 2012 meliputi aspek berikut;

- External network penetration testing (1 unit)
- Web application penetration testing (22 unit)
- Pembahagian Komputer / Komputer Riba / Pencetak

Pembahagian Komputer/Komputer Riba/Pencetak

Untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan penyenggaraan, UMK telah membuat perolehan secara sewaan peralatan ICT selari dengan penambahan staf dan pelajar. Jadual

berikut menunjukkan jumlah komputer dimiliki oleh Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (JTMK) sehingga akhir tahun 2012.

KEMUDAHAN	ASET UMK	SEWAAN	JUMLAH
KOMPUTER	220	608	828
KOMPUTER RIBA	31	277	308
PENCETAK	220	72	292
JUMLAH	471	957	1,428

Jumlah Unit Komputer Untuk Staf dan Pelajar Sehingga Akhir Tahun 2012

MEMPERKASAKAN INFRASTRUKTUR ICT

Pada tahun 2012, beberapa tambahan infrastruktur rangkaian telah dilakukan berdasarkan peruntukan yang telah diberikan bagi memenuhi kehendak pelanggan antaranya :

- Menyediakan perkhidmatan *wireless* di Asrama Kemumin Padang Tembak
- Menyediakan perkhidmatan *wireless* secara *hot zone* di kawasan tumpuan Asrama Pelajar Kampus Jeli
- Juga terdapat beberapa penambahan kecil infrastruktur rangkaian berdasarkan projek pengubahsuaian bangunan seperti di Jabatan Canselori, Jabatan Bendahari dan lain-lain.
- Bagi keperluan penyelidikan, pihak *Malaysian Research & Education Network* (MYREN) telah meningkatkan keupayaan saiz litar suwa sebanyak 20Mbps.
- Penaiktarafan sistem kawalan pintu berdasarkan IP di Kampus Pengkalan Chepa

IMPLIKASI KEWANGAN JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT & KOMUNIKASI

Peruntukan Mengurus 2012

Pada tahun 2012, JTMK telah menerima peruntukan mengurus sebanyak RM3,301,813.00 dan dibahagikan mengikut keperluan seperti berikut:

VOT	JENIS PERBELANJAAN	JUMLAH PERUNTUKAN (RM)
14000	Elaun lebih masa	30,000.00
21000	Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	100,000.00
23000	Perhubungan dan utiliti	266,993.00
24000	Sewaan	2,341,200.00
25000	Bahan-bahan makanan dan minuman	1,000.00
26000	Bekalan bahan mentah dan bahan-bahan untuk penyelenggaraan & pembaikan	2,400.00
27000	Bekalan & bahan-bahan lain	49,000.00
28000	Penyelenggaraan & pembaikan kecil	449,207.00
29000	Perkhidmatan ikhtisas dan perkhidmatan lain yang dibeli dan hospitaliti	62,013.00
JUMLAH		3,301,813.00

Pembahagian yang dibuat bagi Peruntukan Mengurus

PERUNTUKAN TAMBAHAN

- Pusat Pengajian Siswazah, Kampus KL.
Pada Jun 2012, pihak universiti telah menambah cawangan baru yang menempatkan Pusat Pengajian Siswazah yang berpusat di Technology Park Malaysia, Bukit Jalil. Sehubungan dengan itu, pihak JTMK telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM200,000.00 bagi menyediakan segala kemudahan peralatan dan kemudahan ICT di sana.
- Majlis Konvokesyen UMK Kali Ke-2
Pada September 2012, Majlis Konvokesyen UMK Kali Ke-2 telah berlangsung dan sebanyak RM80,000.00 peruntukan telah disalurkan kepada JTMK untuk pembelian peralatan ICT yang akan digunakan sepanjang Majlis Konvokesyen UMK Kali Ke-2 berlangsung.

- Sewaan

Pihak JTMK telah menerima peruntukan tambahan sebanyak RM700,000.00 bagi menampung keperluan sewaan peralatan ICT sepanjang tahun 2012

- Utiliti dan Lain-lain

Pada penghujung Disember 2012, JTMK sekali lagi menerima peruntukan tambahan sebanyak RM2,193,772.00 yang dibelanjakan bagi bayaran utiliti dibawah tanggungan JTMK seperti sewaan rangkaian, penggunaan talian dan capaian internet bagi ketiga-tiga buah kampus dan bayaran-bayaran lain.

JENIS PERUNTUKAN	PROGRAM	AMAUN (RM)
MENGURUS	Peruntukan Awal	3,301,813.00
TAMBAHAN	Pusat Pengajian Siswazah	200,000.00
TAMBAHAN	Konvokesyen Umk Kali Ke-2	80,000.00
TAMBAHAN	Sewaan	700,000.00
TAMBAHAN	Utiliti dan Lain-lain	2,193,772.00
JUMLAH PERBELANJAAN BAGI TAHUN 2012		6,475,585.00

Peruntukan tambahan yang diterima mengikut program

ASET & INVENTORI TAHUN SEMASA 2012 JTMK

TAHUN	2011		2012		KENAIKAN (%)
	BILANGAN	NILAI (RM)	BILANGAN	NILAI (RM)	
ASET	42	685,213.00	143	2,314,741.65	70.4
INVENTORI	343	219,978.00	634	446,026.00	50.7
JUMLAH	385	905,121.00	777	2,760,767.00	67.2

Jadual Peratus Aset dan Inventori 2011/2012



KESIMPULAN

Pihak JTMK telah membangunkan beberapa sistem baharu untuk memenuhi segala keperluan pentadbiran akademik dan organisasi termasuklah sumber manusia dan pengurusan bagi menambahbaik sistem sedia ada selain meningkatkan prestasi di peringkat pengurusan universiti.

Selain itu, kemudahan ICT dan aduan pengguna telah diperkemas lagi bagi memantapkan perkhidmatan kaunter selain memperkenalkan saluran aduan yang lebih tepat.



Implikasi kewangan JTMK menunjukkan peratusan kenaikan perbelanjaan tahun semasa 2012 telah meningkat sebanyak 8.64% atau RM559,478.00 berbanding perbelanjaan tahun sebelum 2011. Jumlah ini menjadikan perbelanjaan tahun 2012 bagi JTMK adalah sebanyak RM6,475,585.00 atau 196% dari peruntukan asal RM3,301,813.00 yang telah diberikan.



DIARI PERISTIWA TERPILIH 2012

Antara peristiwa terpilih Universiti Malaysia Kelantan sepanjang tahun 2012 adalah seperti jadual berikut:

TARIKH	PERISTIWA
PROGRAM CSR	
26 Februari 2012	Program Gotong Royong Perdana bersama Masyarakat Bachok melibatkan 600 orang peserta diadakan bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pelajar mengenai penjagaan alam sekitar dan isu-isu kelestarian alam sekitar dan meningkatkan semangat kesukarelawan.
31 Mac 2012	UMK Earth Hour 2012 di Kampus Pengkalan Chepa dan Jeli diadakan bagi memberi kefahaman dan pendedahan kepada pelajar mengenai kepentingan sumber tenaga yang semakin berkurangan serta meningkatkan keprihatinan pelajar mengenai isu-isu kelestarian alam sekitar.
17 Mei 2012	Program Tranformasi Motivasi dan Pendidikan (Matematik dan Sains) diadakan bertujuan untuk berkongsi kepakaran pelajar universiti dengan golongan pelajar sekolah rendah dan menengah dan membantu meningkatkan pencapaian akademik pelajar sekolah rendah dan menengah.
5 - 8 Julai 2012	Program Step Towards Ambitious Realization (STAR '12) diadakan bagi memberi bimbingan dan motivasi kepada peserta sebagai persediaan untuk mencapai kejayaan serta memberi pendedahan dengan penghayatan ilmu pengetahuan, agama, tanggungjawab dan membentuk keyakinan diri dalam mengharungi kehidupan sebagai pelajar.
9 Julai 2012	Program Semaian Bakti Siswa (SEMAI) diadakan agar pelajar dapat menyelami perasaan warga tua yang telah ditinggalkan oleh keluarga dan anak-anak dan secara tidak langsung memberi kesedaran kepada mereka mengenai tanggungjawab sebagai anak untuk terus menghargai orang tua.
18 Oktober 2012	Program Pendidikan Kesihatan dan Derma Darah Peringkat UMK dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran mengenai kanser payudara melalui ceramah dan pameran berkenaan kanser payudara oleh staf Lembaga Perancangan Pendudukan dan Keluarga Negara (LPPKN).
20 - 22 Disember 2012	Program Transformasi Sosial (Baktisiswa) di Sabak Bernam, Selangor bertujuan untuk menanam sikap kesukarelawan di kalangan pelajar dan prihatin terhadap masyarakat dan memperoleh pengalaman hidup bersama masyarakat desa di zamping membantu meningkatkan ekonomi masyarakat desa.
31 Ogos – 13 September 2012	Social Enterprise for Economic Development (SEED) di Kuala Betis, Gua Musang diadakan bagi menyelami masalah ekonomi yang dialami oleh Suku Temiar di samping membantu membangunkan sosio ekonomi dan perubahan cara pemikiran penduduk setempat.
29 Oktober – 9 November 2012	Social Enterprise for Economic Development (SEED) seterusnya dilaksanakan di Bandung agar mahasiswa dapat menyelami masalah ekonomi yang dialami oleh masyarakat di Bandung dan perubahan cara pemikiran penduduk setempat di samping meningkatkan semangat kesukarelawan dan kemasyarakatan di kalangan pelajar.
24 Oktober 2012	Program Temiar Kasih (Program Kesenambungan SEED III) melibatkan pelajar FKP diadakan di UMK Kampus Kota dan UMK Kampus Jeli dengan objektif untuk memanfaatkan dana kewangan yang telah berjaya dikumpul dan mengumpul serta menyaring buku-buku yang sesuai untuk dihantar ke Kuala Betis, Gua Musang untuk mewujudkan pustaka mini di perkampungan orang asli, Temiar.



TARIKH	PERISTIWA
KEUSAHAWANAN	
29 Jun - 1 Julai 2012	Karnival Kerjaya dan Keusahawanan Graduan (K3G) 2012 dilaksanakan untuk mengasah kemahiran keusahawanan pelajar dan meningkatkan kemahiran insaniah pelajar menerusi pengalaman hasil penganjuran program tersebut.
10 - 22 April 2012	Kembara Entreprenasi di Bumi Anbiya' dilaksanakan untuk menjana mahasiswa lebih beridealisme, proaktif, dan bercirikan keusahawanan menerusi pemerhatian serta ibadah yang dikerjakan bersama masyarakat global selain menjalinkan dan menguatkan ikatan persahabatan antara satu sama lain & dapat berkongsi ilmu.
13 - 15 September 2012	Pesta Konvokesyen UMK 2012 dilaksanakan untuk memberi pengalaman sebenar dalam menganjurkan majlis-majlis rasmi/separa rasmi di peringkat universiti dan mengasah kemahiran keusahawanan pelajar menerusi karnival/pameran yang dianjurkan.


1 Disember 2012	Walk 4 Nature And Gather Together Sap 2012 Dilaksanakan dengan objektif untuk menyemai nilai-nilai positif, mendidik masyarakat kampus kursusnya pelajar agar menjaga serta menghargai alam sekitar.
6 Disember 2012	1 Malaysia Green, 1 Malaysia Clean dilaksanakan bagi menyemai semangat perpaduan menerusi pendekatan "1 Malaysia" di kalangan pelajar dan masyarakat.
20 - 26 Mei 2012	UNESCO Earth Day
7 Januari 2012	Gotong-royong bersama Rakyat bagi menjalinkan hubungan dengan masyarakat setempat.

13 - 15 Disember 2012	City Campus Carnival 2012 yang telah dijalankan memberi pengalaman sebenar dalam menganjurkan majlis-majlis rasmi/separa rasmi di peringkat universiti kepada pelajar di samping mengasah kemahiran keusahawanan pelajar.
20 - 23 Disember 2012	Karnival Usahawan Siswa 2012 dilaksanakan untuk mengasah kemahiran keusahawanan di kalangan pelajar.
10/04/2012	Forum Transformasi Ekonomi Wilayah Timur bersama pihak luar dan warga UMK dilaksanakan untuk meningkatkan kefahaman mengenai ekonomi semasa.
24/05/2012	Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS) Siri I Penerbitan filem pertama UMK yang bertajuk "Pengurusan Spa" dilaksanakan bagi perkongsian ilmu berkaitan pengurusan spa.





12 - 13/10/2012	Lawatan Keusahawanan ke Langkawi untuk mendedahkan pelajar kepada dunia perniagaan luar melalui aktiviti pembudayaan keusahawanan disamping mewujudkan hubungan baik dan jalinan kerjasama antara pelajar dengan industri/syarikat luar.
18 Disember 2012	Prime Entrepreneur Lecture Series (PELS) Siri ii. Ceramah bertajuk "Cabaran, Halangan & Masa Depan Perbankan Islam di Malaysia" merupakan perkongsian ilmu dalam bidang berkenaan perbankan Islam.
25 November-1 Disember 2012	Entrepreneur Week (Session 1) dijalankan untuk memberi peluang kepada pelajar untuk mengaplikasikan pembelajaran dalam kuliah apabila mereka mengalami sendiri proses keusahawanan melalui perniagaan yang mereka usahakan.
2 -8 Disember 2012	Entrepreneur Week (Session 2) diteruskan sehingga perkarangan UMK Kampus Kota.
13 -15/12/2012	City Campus Carnival 2012 dilaksanakan bertujuan untuk bagi membudayakan keusahawanan dalam setiap program yang dianjurkan oleh para pelajar supaya selari dengan visi universiti sebagai peneraju pembangunan modal insan bercirikan keusahawanan di samping menyemai semangat kerja berpasukan di kalangan pelajar.

TARIKH	PERISTIWA
KEPIMPINAN	
2 Februari 2012	Majlis Sambutan Maulidur Rasul 1433H dianjurkan bagi menghayati peristiwa sejarah Nabi Muhammad S.A.W dan mengekalkan tradisi warisan masyarakat Melayu dan program gotong-royong mengikut budaya masyarakat Kelantan.
10 - 16 Februari 2012	Program Pengantarabangsaan MPP - Delegasi Akademik dan Keusahawanan ke Negara Australia 2012 untuk mendedahkan ahli MPP UMK kepada program pengantarabangsaan semasa mereka bergelar pemimpin mahasiswa dan meletakkan pemimpin mahasiswa pada kelasnya tersendiri melalui interaksi dengan dunia luar.
15 - 17 FEBRUARI 2012	Program 1T for 1S : One Team for One Spirit 2011 / 2012. Program ini melatih ahli kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) supaya dapat memupuk sikap kerjasama dan semangat berpasukan dalam menjayakan sesuatu perkara.
16 -17 Februari 2012	Kursus Mahasiswa Unggul Pelapis MPP 2012 bagi memupuk semangat cintakan negara di kalangan mahasiswa UMK dan mencari serta menyetengahkan bakat kepimpinan di kalangan pelajar bagi mengenalpasti pelapis yang akan mengetuai kelab/persatuan pelajar di UMK.
2 -3/3/2012	Program Master Your Leadership dilaksanakan bagi mendedahkan peserta dengan bentuk kepimpinan yang berdisiplin agar mereka dapat mengaplikasikan sikap kepimpinan ini kepada rakan. Program ini juga membantu untuk mendisiplinkan diri dan membentuk sikap tanggungjawab pelajar kepada sekolah dan ibu bapa dalam menjalani kehidupan seharian.
8 - 10 Mac 2012	Kursus Kepimpinan Mahasiswa UMK siri 1/2012 dilaksanakan untuk memupuk semangat cintakan negara di kalangan mahasiswa UMK.
9 & 10 Mac 2012	Kursus Pra Perkahwinan diadakan untuk memberikan pendedahan awal alam perkahwinan kepada pelajar UMK untuk menghadapi cabarannya pada masa hadapan dan sebagai usaha untuk mengatasi keruntuhan sosial di kalangan pelajar UMK antara yang mengancam sistem kekeluargaan.
5 MEI 2012	Program Hari Kolaborasi Ko-Kurikulum dan Usahawan 2012 telah dilaksanakan bagi tujuan mengasah kemahiran keusahawanan pelajar dan meningkatkan semangat kerja berpasukan dan nilai-nilai kemahiran insaniah pelajar menerusi pengalaman.
1 - 6 Julai 2012	GREAT (Program Latihan Pemantapan Graduan) bagi memberikan nilai tambah kepada pelajar khususnya dalam meningkatkan kemahiran insaniah (terutamanya dalam penampilan diri, kemahiran berkomunikasi, kemahiran berbahasa Inggeris, teknik semasa menghadiri temuduga dan lain-lain).
14-18 Julai 2012	Perhimpunan Kor SISPA kali ke 3 (UMT) diadakan untuk membolehkan pelajar mempraktikkan pengetahuan yang dipelajari dan mewujudkan hubungan kerjasama dan jaringan antara pelajar UMK dengan pelajar IPTA/S yang lain dalam merancang dan melaksanakan sesuatu aktiviti yang kreatif dan inovatif.





12 - 13 September 2012	Program EXPOSURE : Take Charge! New Student diadakan bagi meningkatkan motivasi diri pelajar terutama dari segi kerjaya disamping untuk menilai minat pelajar dari segi kerjaya dan program yang diceburi pada masa sekarang dan mendedahkan pelajar dengan cara kerja berpasukan sesama mahasiswa agar dapat terus bekerjasama.
25/09/2012	Pilihanraya Kampus (PRK) diadakan untuk membolehkan para pelajar memilih wakil mereka secara telus untuk dilantik sebagai Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) bagi mewakili golongan pelajar dalam menyuarakan pandangan pelajar serta menengahkan isu-isu kebajikan.
28 Okt 2012	Program Ibadah Korban bagi menghayati peristiwa sejarah Nabi Ibrahim dan Nabi Ismail Alaihimassalam di samping mengekalkan tradisi warisan masyarakat Melayu melalui Majlis Permuafakatan Aasyuraa' secara gotong-royong mengikut budaya tempatan.
17 November 2012	Program Jalinan Mesra PRS : Family Day PRS Bukit Keluang bertemakan "Indah Ukhwah Semanis Madu" dijalankan bagi meningkatkan kerjasama dan semangat berpasukan serta bagi memudahkan pelaksanaan aktiviti yang akan diadakan di UMK sebagai sebuah kelab di bawah pengawasan Pegawai Psikologi universiti.
6 & 8 Disember 2012	Majlis Permuafakatan Assyuraa' disambut untuk menghayati peristiwa sejarah Nabi Nuh Alaihisalam di kalangan warga UMK.
31 Okt - 2 Nov 2012	Kursus kepimpinan dan team building Majlis Perwakilan Pelajar dan Majlis Tertinggi Jawatankuasa Kolej Kediaman (JKK) di Tanah Aina Resort, Pahang dilaksanakan untuk mendidik ahli MPP dan JKK untuk menepati masa serta mempelajari kaedah penyediaan kertas kerja, minit mesyuarat dan surat rasmi dalam pengurusan di samping memupuk semangat bekerja secara berpasukan.
1 - 3 November 2012	Program Back To Basic merupakan program yang dijalankan untuk melahirkan mahasiswa/i yang mempunyai kefahaman, kepimpinan dan kebijaksanaan mendalam pengetahuan tentang teras Islam dalam kehidupan seharian sebagai seorang insan, pelajar dan anggota masyarakat.
19/11/2012	Program Jejak Mahasiswa 1Malaysia Ke Parlimen memberi pengalaman kepada pelajar tentang sistem perlembagaan Negara dan memahami fungsi ahli-ahli Dewan Rakyat serta Dewan Negara. Program ini juga turut bertujuan untuk mendedahkan proses penggubalan perundangan yang telus diamalkan oleh negara Malaysia.
29/11/2012 - 1/12/2012	Program 1T for 1S : One Team for One Spirit 2012 / 2013 dilaksanakan untuk melatih ahli kelab Pembimbing Rakan Siswa (PRS) supaya dapat memupuk sikap kerjasama dan semangat berpasukan dalam menjayakan sesuatu perkara dan memberi ruang kepada ahli PRS untuk saling mengenali dengan lebih mendalam, bagi memudahkan mereka untuk bekerja di dalam satu pasukan.
16-17 Oktober 2013	1st Annual University Administration Leaders Round Table (UMK dan AKEPT) dilaksanakan di Hotel Rennainsance, Kota Bharu melibatkan staf UMK untuk menambah pengetahuan tentang peranan pentadbir di IPTA. Program dirasmikan oleh Pengarah AKEPT sendiri iaitu YBhg. Datuk Prof. Dr. Roziyah Binti Omar.
24 Oktober 2012	UMK TOP HOST HUNT 2012 diadakan di Kampus Kota (Dewan Kuliah 21) untuk memberi pendedahan ilmu berkaitan pengacaraan majlis dan mengaplikasikan Kursus Pengurusan Acara (ATS 3023) yang dipelajari semasa kuliah.





22 Mei 2012	Program International Day for Biological Diversity dijalankan bagi meningkatkan kesedaran dan pemahaman tentang isu-isu biodiversiti.
10 Julai 2012	Majlis Ramah Mesra bersama Pelajar Program Persediaan Keusahawanan Sains (PPKS) atau sesi suai kenal pelajar dan memupuk semangat kerjasama sesama pelajar.
20 Oktober 2012	Majlis Pelancaran buku bergambar bertajuk Treasures of Kelantan I : Lojing & Treasures of Kelantan II: Chamah dijalankan untuk melancarkan buku yang ditulis oleh pensyarah Fakulti Sains Bumi, Pn. Norashikin Mohd Fauzi.
14 Januari 2012	Anugerah Dekan Fakulti Teknologi dan Warisan Bagi Sesi September 2011/2012 memberi pengiktirafan dan semangat kepada pelajar yang berjaya mendapat PNGK 3.50 dan ke atas.
15 hingga 19 Januari 2012	Exhibitions and Assessment Day Bagi Sesi September 2011/2012 mempamerkan hasil kerja pelajar dan membuat penilaian karya yang telah dibuat.
21 - 22 Mei 2012	International Conference on Innovation, Management and Technology Research (ICIMTR) diarturkan bagi pembentangan kertas kerja dan perbincangan ilmiah berkaitan perkara pengurusan penyelidikan inovasi dan teknologi.
19 Julai 2012	Majlis Pelancaran GERIC & Menandatangani MoU merupakan program kerjasama strategik bagi tujuan pelaksanaan program dan aktiviti jabatan dalam bidang penyelidikan inovasi.

TARIKH	PERISTIWA
SUKAN	
1 Februari 2012	Karnival Sukan FPV diadakan untuk memupuk gaya hidup aktif, cergas dan cemerlang dikalangan semua pelajar institusi Pengajian Tinggi dan masyarakat di Pantai Timur khususnya dan mencari bakat-bakat baharu yang boleh mewakili UMK ke pertandingan sukan antara IPT.
28 Mac - 1 April 2012	UMK turut menghantar penyertaan pelajar ke Sukan MASUM Siri 2 – yang berlangsung di UniMAP.
1 - 4 April 2012	UMK dinobatkan sebagai Johan Zon Timur bagi pertandingan Liga Bola Sepak Piala Menteri Pengajian Tinggi.
7-15 April 2012	UMK turut menghantar penyertaan pelajar ke Karnival Sukan Masum 2012 – UNIMAS
10-15 April 2012	UMK turut serta di dalam Kejohanan Sukan Air Masum 2012 – yang diadakan di Putrajaya di dalam pertandingan Kayak & Rowing.
10 - 13 Mei 2012	Penyertaan UMK dalam Liga Futsal KPT 2012 adalah untuk mewujudkan persaingan yang sihat di kalangan pelajar disamping mempromosikan UMK sebagai sebuah Universiti baru yang mampu bersaing di peringkat nasional.
11 - 12 Mei 2012	UMK menghantar wakil pelajar ke Anugerah Sukan MASUM 2012.




18 - 22 Mei 2012	UMK juga menyertai dalam Pertandingan Akhir Zon Kelayakan Bola Sepak KPT 2012.
9/6/2012	UMK Klinik Pengendalian Sukan Air (Rowing & Kayak) serta Pemilihan Atlit Bagi Kejohanan Varsity Boat Race 2012.
24-30 Jun 2012	UMK menghantar penyertaan Program KPT - UMP Cabaran Berkayak Sungai Pahang 2012 bagi merapatkan ukhwah dan mengeratkan hubungan sosial antara pelajar UMK dan pelajar Institut Pengajian Tinggi di seluruh negara serta memupuk budaya bersaing secara sihat.
7 - 11 Julai 2012	UMK menghantar penyertaan ke Kejohanan Varsity Boat Race 2012.
11 - 19 Julai 2012	Karnival Sukan MASUM 2012 Fasa 2, UTHM & UTM Muhammad Awis bin Ibrahim (pelajar Tahun Akhir Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan (FKP)) memenangi pingat emas bagi Silat Putera Kelas J (90-95kg).
12/9/2012	UMK menganjurkan Kejohanan Futsal dan Bola Jaring Terbuka IPT Pantai Timur 2012 (Kejohanan Futsal Pesta Konvokesyen Kali Ke 2 UMK 2012) untuk meningkat jaringan perhubungan antara Institusi Pengajian Tinggi, Universiti Malaysia Kelantan khususnya dengan negeri pantai Timur.

25 - 30 Sept 2012	UMK menghantar Kejohanan Bola Sepak Piala MASUM 2012.
13 - 21 Oktober 2012	UMK menyertai Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT 2012)- dalam pertandingan Kayak Dan Kejohanan Varsity Boat Race 2012.
11-14 Okt 2012	UMK menyertai Kejohanan Ragbi 10'S Piala Naib Canselor UPNM 2012.
28 Okt - 11 Nov 2012	UMK menyertai Kejohanan Sukan Institusi Pengajian Tinggi (SUKIPT) 201.
20 Nov - 15 Dis 2012	UMK menyertai Karnival Sukan Mahasiswa (KRISMA) 2012 (Sukan UMK Jeli).
29 Nov - 02 Dis 2012	UMK menyertai Kejohanan Boling Padang Terbuka Terengganu 2012 dalam acara Suku Akhir acara wanita untuk menyokong pembangunan sukan negara.
7-8/12/2012	UMK menganjurkan pertandingan "Dota Tournament" bagi menggalakkan penyertaan pelajar dalam aktiviti permainan yang berteraskan semangat berkerjasama dalam pasukan serta mendidik pelajar untuk menjadi kreatif dan inovatif.

TARIKH	PERISTIWA
PEMBANGUNAN KERJAYA	
24/11/2012	Majlis Hari Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2011 diadakan untuk memberi anugerah kepada pekerja cemerlang.
6 Oktober 2012	UMK menganjurkan Hari Keluarga UMK 2012 bertempat di Bukit Keluang Beach Resort, Besut, Terengganu bagi mengeratkan silaturrahim sesama staf.
13/12/2012	UMK menganjurkan Forum seminar perbincangan bertajuk "MUNAFIKKAH AKU?" untuk memberi pendedahan dan kesedaran kepada pelajar tentang bahayanya munafik, ciri-ciri munafik, sifat-sifat munafik, serta mengajak masyarakat mengamalkan kehidupan berlandaskan syariat islam yang di tetapkan oleh syarak.
23/03/2012 - 24/03/2012	Program Nucleus Camp (Nurture for Excellent & Success Camp) diadakan bagi memupuk kecemerlangan dalam diri pelajar sebagai teras asas dalam memacu kecemerlangan akademik.
26/03/2012	UMK menganjurkan Majlis Pembudayaan Ilmu bagi memberi ilmu pengetahuan kepada staf dan pelajar Fakulti Sains Bumi tentang aplikasi ilmu yang dipelajari dalam kelas.
12/07/2012 - 14/07/2012	Bengkel Pemetaan Hasil Pembelajaran & Bengkel Manual Prosedur Kerja & Fail Meja Membincangkan halatuju fakulti dan manual prosedur kerja serta fail meja supaya dapat memantapkan lagi Fakulti Sains Bumi
1/11/2012 - 03/11/2012	Bengkel Hala Tuju dan Sasaran Kerja Tahunan 2012 dianjurkan bagi membincangkan halatuju dan sasaran kerja tahunan (SKT) 2012 demi pembangunan universiti.
13/11/2012 - 15/11/2012	Bengkel Penyediaan MQA bagi SEL & SEG dianjurkan oleh UMK sebagai pemurnian MQA bagi Akreditasi Program SEL & SEG.
23/11/2012	Program 'Groom to Bloom' diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar tahun akhir tentang cara pemakaian, etika bersosial dan teknik serta tip menghadiri temuduga dengan cara berkesan.
5/12/2012	Majlis Anugerah Dekan FSB diadakan untuk menyampaikan anugerah kepada pelajar yang memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan.
1 - 2 Julai 2012	Bengkel 'Knowledge Transfer Programme (KTP) diadakan bagi memberi kursus tentang penyediaan kertas cadangan penyelidikan yang melibatkan kerjasama pihak industri dan komuniti tempatan.
4 - 6 Julai 2012	Invention, Innovation and Design Competition (IID), UiTM Perak merupakan program pertandingan inovasi yang disertai dan telah memenangi pingat berlian dan emas.
26 September 2012	Mesyuarat Mencipta Perbezaan UMK dihadiri oleh ahli LPU UMK dan Profesor UMK bersama pihak GERIC diadakan bagi membincang perkara mencari perbezaan UMK.



7 - 8 November 2012	Bengkel 'Long-term Research Grant Scheme (LRGS). Penyediaan kertas cadangan penyelidikan tempoh jangka masa panjang yang melibatkan kerjasama pihak industri dan komuniti tempatan.
27 - 28 November 2012	Bengkel Halatuju R&D UMK yang diadakan merupakan pemurnian dokumen halatuju dan penetapan sasaran bagi aktiviti berkaitan penyelidikan Fakulti/UMK serta semakan status pencapaian aktiviti R&D.
20 Disember 2012	Mesyuarat penubuhan GERIC di KPT bagi tujuan pembentangan dan perbincangan penubuhan GERIC dengan KSU dan BPKI di KPT bagi tujuan mendapatkan kelulusan penubuhan dan pembiayaan geran pelancaran HiCoE berpotensi.
27/6/2012	Finalle - Fashion Show mempamerkan hasil kerja pelajar dan membuat penilaian karya yang telah dibuat.
24 hingga 31 Jun 2012	UMK mengadakan Rakaman Produksi DIGISTA TEEN untuk mendokumentasikan projek yang melibatkan pelajar untuk tatapan umum.
7/9/2012	Program Get Together (G2G) 2012 merupakan minggu suai kenal pelajar baru dengan pihak pengurusan dan pensyarah FTKW.
3 hingga 31 Disember 2012	FTKW melaksanakan Festival Monsun iaitu festival tahunan fakulti yang akan melibatkan pelbagai aktiviti bagi mempromosikan fakulti kepada pihak luar dan menonjolkan bakat pelajar FTKW.



14 Disember 2012	Siaran langsung rakaman Bicara Rakyat membicarakan isu-isu semasa yang perlu di ketahui oleh masyarakat umum.
15 Disember 2012	Program Generasi Y diadakan bagi mendedahkan pihak luar berkaitan aktiviti yang dilaksanakan oleh pelajar FTKW.
26 Disember 2012	Seminar Kebangsaan Warisan Perubatan merupakan seminar yang menghimpunkan dan membicarakan tentang isu warisan perubatan yang diamalkan di zaman sekarang.
30 Disember 2012	UMK menganjurkan Kolokium Pelajar Pascasiswazah 2012 bagi tujuan pembentangan oleh pelajar pascasiswazah berkaitan penyelidikan yang dipilih bagi memenuhi syarat-syarat bergraduat.
31 Disember 2012	UMK mengadakan Pelancaran Filem Monsun yang merupakan filem pertama UMK dan Keusahawanan Kreatif Monsun Industri
24/6/2012	UMK mengadakan Pameran dan Ekspo Sempena Ulang Tahun RTM. Pameran ini merupakan pameran keusahawanan FTKW.
30/6/2012	UMK menyertai pertandingan FLORIA 2012 Putrajaya yang merupakan Pertandingan Flora dan Fauna terbesar di Malaysia.
15/9/2012	Industri Kreatif UMK mengadakan Program Dialog bersama Seniman Rosyam Nor yang juga merupakan Penerima Ijazah Kehormat Sarjana Seni (Keusahawanan Industri Kreatif) UMK.
13 Oktober 2012	Lawatan Y.Bhg. Dato Fauzi Yaacob, Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan (Sistem dan Kawalan) Kementerian Kewangan Malaysia ke Projek TENIAT di mana pembangunan TENIAT dijadikan sebagai pusat pembelajaran dan pengajaran.
16 Oktober 2012	UMK mengadakan Diskusi dengan Akademi Seni Nik Rasyidin untuk membincangkan isu Penyelidikan Warisan untuk tujuan perkembangan peyelidikan di UMK.
29 Oktober 2012 hingga 10 November 2012	Penggambaran Filem Pendek MONSUN yang merupakan Penerbitan filem pertama UMK dilaksanakan.



PROMOSI & PUBLISITI

Pusat Hal Ehwal Korporat (PHEK) secara umum berperanan menyebarkan maklumat dan dalam masa yang sama mencipta program / aktiviti yang dilaksanakan oleh Universiti Malaysia Kelantan (UMK) kepada masyarakat sama ada peringkat nasional atau global. Pusat Hal Ehwal Korporat (PHEK) bertanggungjawab menguruskan promosi dan publisiti UMK untuk memastikan maklumat mengenai UMK dapat disebarkan dan sampai kepada semua masyarakat tanpa mengira umur, bangsa, agama dan sempadan.



Sehubungan itu, pada tahun 2012 merupakan titik permulaan bagi Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dalam fasa II bagi memperkenalkan UMK sebuah universiti awam yang mempunyai kepakaran dalam penyelidikan, pembelajaran serta pengajaran dengan mempunyai tenaga pengajar yang berkualiti dan pengalaman serta program-program yang mempunyai pasaran luas dan permintaan tinggi bagi sektor pekerjaan dan industri yang berteraskan keusahawanan selari dengan visi dan misi universiti.

Secara tidak langsung akan membina, mengekalkan, mengukuhkan imej, jenama dan kedudukan UMK yang lebih sistematik, strategik dan sempurna. Ini akan memberi satu keyakinan kepada orang ramai bahawa UMK patut menjadi PILIHAN UTAMA dan TERBAIK dalam melahirkan modal insan bercirikan keusahawanan demi kesejahteraan global selaras dengan visinya menjadi sebuah Universiti Keusahawanan yang Ulung di Malaysia.

Bagi merealisasikan matlamat tersebut, Pusat Hal Ehwal Korporat (PHEK) merupakan pemain yang memainkan peranan yang amat penting dalam membantu mempromosi UMK kepada seluruh masyarakat sama ada dalam negara dan antarabangsa. Ia merupakan satu program yang berterusan bagi memberi dan berkongsi maklumat berkaitan UMK kepada masyarakat global, terutama untuk menarik minat masyarakat luar untuk mengikuti pengajian diperingkat ijazah sarjana muda, sarjana dan PhD di UMK. Ia juga akan memberi peluang kepada UMK untuk bekerjasama dengan universiti atau agensi antarabangsa dari aspek akademik dan bukan akademik.


Pelbagai kaedah yang digunakan bagi mempromosi UMK ke peringkat nasional dan global. Antara kaedah promosi yang Pusat Hal Ehwal Korporat jalankan adalah melalui :

- pameran
- Akhbar
- Radio
- Televisyen
- LED Multimedia Display, dll


PAMERAN

Pameran merupakan kaedah yang amat penting dan satu cara yang paling berkesan dalam menarik minat masyarakat sama ada dalam dan luar negara untuk belajar di UMK. Ia bertindak sebagai agen untuk mempromosi dan memperkenalkan peluang pendidikan tinggi di UMK. Selain itu, melalui pameran dapat memberi peluang kepada UMK mempelajari dan memahami sosio budaya, ekonomi, pemikiran dan adat setempat serta mampu menganalisis dan memberi khidmat nasihat kepada agensi/syarikat korporat tempatan

sebelum meneroka peluang perniagaan atau pelaburan dalam sektor-sektor yang berpotensi. Di samping itu, dapat mencari peluang bagi menghantar/melatih pelatih pelajar UMK dalam khidmat komuniti dan keusahawanan sosial di peringkat antarabangsa melalui program/aktiviti yang akan dijalankan secara usahasama UMK bersama dengan institusi pengajian tinggi dan industri di negara berkenaan. Statistik di bawah menunjukkan pameran yang UMK sertai bagi tahun 2012.



Statistik Pameran UMK Sertai bagi tahun 2012



Statistik Pameran UMK Mengikut Bulan bagi tahun 2012



AKHBAR

Media cetak dan elektronik mempunyai peranan penting dalam menyampaikan maklumat yang tepat dan bertanggungjawab kepada orang ramai mengenai dasar-dasar yang dilaksanakan dalam negara termasuk dalam sektor pengajian tinggi negara. Memang tidak dapat dinafikan, agensi-agensi media memainkan peranan yang besar dalam memberi publisiti terhadap UMK sejak awal penubuhan lagi hinggalah UMK kini dikenali oleh pelbagai lapisan masyarakat sehingga ke hari ini.

Laporan ini dibuat berdasarkan beberapa penilaian yang dilakukan melalui medium berita secara online dan berita tradisional (bercetak). Antara penilaian tersebut ialah melalui:



- **Sistem Meltwater**

Sistem ini diuruskan oleh pihak luar di mana UMK membayar perkhidmatan yang diberikan oleh syarikat Meltwater Sdn Bhd untuk membantu UMK dalam mengemaskini, mencari/ memantau dan membekalkan berita *online* yang berkaitan dengan UMK setiap yang disediakan oleh pihak agensi media secara *online*.


- **Keratan Akhbar/Berita secara tradisional**

Melalui cara ini akhbar/berita yang dicetak akan dibaca, dipotong dan direkodkan sekiranya berita tersebut ada berkaitan dengan UMK. Cara ini dilakukan staf-staf di unit perhubungan awam setiap hari.


Terdapat beberapa analisis yang dilakukan untuk melihat sejauh mana liputan yang dilakukan oleh pihak agensi media kepada UMK. Antaranya ialah analisis berita *online* mengikut bulanan, analisis berita *online* mengikut sumber/stesen-stesen agensi media, perbandingan jumlah liputan berita UMK dengan universiti-universiti awam yang lain, analisis akhbar bercetak mengikut bulanan, analisis akhbar bercetak mengikut sumber/stesen-stesen agensi media.




Statistik Bulan Berita Online UMK bagi tahun 2012




Statistik Berita Online Mengikut Media UMK bagi tahun 2012



Statistik Perbandingan Jumlah Berita Online UMK dan Universiti Awam bagi tahun 2012



Statistik Berita Tradisional (Bercetak) Mengikut Bulan UMK bagi tahun 2012





Statistik Berita Tradisional (Bercetak) Mengikut Media UMK bagi tahun 2012



RADIO

Melalui hubungan baik antara UMK dan medium penyiaran radio yang terdapat di Kelantan iaitu Radio Kelantan FM dan Radio HOT FM dapat memberi peluang yang meluas dalam mempromosi UMK terutama kepada masyarakat Kelantan berkaitan maklumat universiti, kepakaran yang boleh dikongsi dan program-program universiti sama ada berbentuk akademik, kemasyarakatan dan *Corporate Sosial Responsible* (CSR). Ini dapat dibuktikan melalui slot temubual yang disediakan

oleh stesen-stesen radio kepada UMK bagi setiap program yang dilaksanakan dalam program AKOK, CAKNA, Ceria Pagi dan lain-lain lagi. Melalui radio, UMK dapat membina *top of mind* pada pendengar, membantu UMK menarik pelanggan-pelanggan baru, membantu UMK menariq pelanggan-pelanggan (universiti) lain dalam mendapatkan pelajar yang berkualiti dan radio dapat membantu UMK menjana pengiktirafan jenama dari pengguna.



Universiti Malaysia Kelantan rai pengamal media

KOTA BHARU 14 Ogos - Pusat Hubungan Korporat dan Strategik Universiti Malaysia Kelantan (UMK) meraikan pengamal media di negeri ini dalam majlis berbuka puasa di Restoran Haza Bistro, di sini baru-baru ini.

Lebih 20 petugas media mewa-

kili pelbagai syarikat media cetak dan elektronik termasuk badan penyiaran kerajaan hadir memeriahkan majlis yang bertujuan mengeratkan hubungan antara kedua-dua pihak.

Pengarah Pusat Hubungan Korporat dan Strategik UMK, Prof. Dr

Nik Maheran Nik Muhammad berkata, beliau amat menghargai kerjasama yang diberikan pihak media kepada universiti itu sejak ia mula beroperasi lima tahun lalu.

“Melalui majlis seperti ini, kita dapat saling mengenali dan mengeratkan hubungan sekali gus

memudahkan komunikasi dua hala.

“Sesebuah institusi pengajian tinggi memerlukan media untuk menghebahkan pencapaian dan kejayaan yang dicapai terutama UMK yang merupakan sebuah universiti baru.” katanva.

TELEVISYEN

Medium penyiaran televisyen juga merupakan satu kaedah UMK lakukan bagi mempromosi kerana jumlah masyarakat yang ramai dapat melihat apa yang UMK sediakan kerana setiap masyarakat mempunyai televisyen di rumah, Eksklusif, Mudah, Efektif, Cepat dan Berkesan, mewujudkan kesedaran pasaran mengenai produk dan perkhidmatan yang UMK boleh berikan / sediakan, sebagai alat komunikasi dan pemasaran bagi membina, mengekalkan, mengukuhkan imej, jenama dan kedudukan UMK yang lebih sistematik, strategik dan sempurna. Ia juga platform untuk memberi peluang rangkaian perkongsian kepada UMK untuk bekerjasama dengan universiti atau agensi antarabangsa dari aspek akademik dan bukan akademik. Program televisyen yang selalu memberi peluang kepada UMK adalah program Selamat Pagi Malaysia (TV1), Assalamualaikum (TV Alhijrah), Bernama TV, ASTRO Awani dan lain-lain lagi medium penyiaran.

LED MULTIMEDIA DISPLAY

Dalam masa yang pantas dan berteknologi, UMK mengambil pendekatan menggunakan LED *Multimedia Display* di persimpangan HUSM, Kubang Kerian untuk menyebarkan dan menghebahkan setiap maklumat terkini sama ada maklumat berbentuk akademik, separa akademik dan aktiviti yang dilakukan sama ada program universiti atau fakulti seperti Majlis Konvokesyen UMK Ke 2, Hari Keputeraan Sultan Kelantan, Lawatan Perdana Menteri atau Menteri ke UMK dan sebagainya.

LAIN-LAIN KAEDAH

- Website dan Media Sosial (*Facebook, Twitter* dan lain-lain)
- Program *Corporate Sosial Responsible (CSR) Billboard/Banting*
- Percetakan (Buletin Semasa dan TERJAU)
- Program Bersama Pihak Media (Majlis Makan Malam, Majlis Sambutan Hari Raya, Majlis Berbuka Puasa dan lain-lain)

KESIMPULAN

Kesimpulan yang dapat dibuat berdasarkan penilaian yang dilakukan, amat jelas menunjukkan UMK mempergiatkan usaha untuk mempromosi dalam pelbagai kaedah sama ada di peringkat nasional dan global dalam membantu UMK membina, mengekalkan, mengukuhkan imej, jenama dan kedudukan UMK yang lebih sistematik, strategik dan sempurna kepada masyarakat umum untuk lebih mengenali UMK dan mengetahui peranannya sebagai sebuah ‘Universiti Keusahawanan’ serta visinya untuk melahirkan modal insan bercirikan keusahawanan demi kesejahteraan global.



PRESTASI DAN LAPORAN KEWANGAN 2012


KUMPULAN

Bagi tahun 2012, Kumpulan telah membelanjakan secara keseluruhannya sebanyak RM127.34 juta iaitu pengurangan sebanyak RM0.28 juta (0.22%) berbanding perbelanjaan pada tahun 2011 sebanyak RM127.62 juta. Manakala pendapatan universiti secara keseluruhannya bagi tempoh tersebut ialah sebanyak RM129.14 juta iaitu peningkatan sebanyak RM24.46 juta (23.37%) berbanding pendapatan pada tahun 2011 sebanyak RM104.68 juta.

Pendapatan Kumpulan yang berjumlah RM129.14 juta (2011 : RM104.68 juta) adalah merangkumi pendapatan mengurus sebanyak RM98.61 juta (2011 : RM73.52 juta), pendapatan pembangunan

sebanyak RM29.16 juta (2011 : RM30.54 juta) dan pendapatan penyelidikan sebanyak RM1.37 juta (2011 : RM0.62 juta).

Sebanyak RM127.34 juta (2011 : RM127.62 juta) telah dibelanjakan yang merangkumi perbelanjaan mengurus berjumlah RM95.47 juta (2011 : RM69.81 juta), perbelanjaan pembangunan berjumlah RM31.61 juta (2011 : RM57.66 juta) dan perbelanjaan penyelidikan berjumlah RM0.23 juta (2011 : RM0.14 juta) serta perbelanjaan anak syarikat berjumlah RM0.03 juta (2011 : RM0.01 juta). Perbelanjaan terbesar adalah perbelanjaan mengurus iaitu 74.97% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.




Carta 1 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan

UNIVERSITI

Bagi tahun 2012, universiti telah membelanjakan secara keseluruhannya (mengurus, pembangunan dan penyelidikan) sebanyak RM127.31 juta iaitu pengurangan sebanyak 0.24% (RM0.30 juta) berbanding perbelanjaan pada tahun 2011 sebanyak RM127.61 juta. Manakala pendapatan


universiti secara keseluruhannya (mengurus, pembangunan dan penyelidikan) bagi tempoh tersebut ialah sebanyak RM129.14 juta iaitu peningkatan sebanyak RM24.46 juta (23.37%) berbanding pendapatan pada tahun 2011 sebanyak RM104.68 juta.



Carta 2 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Universiti

Pendapatan universiti yang berjumlah RM129.14 juta (2011 : RM104.68 juta) adalah merangkumi pendapatan mengurus sebanyak RM98.61 juta (2011 : RM73.52 juta), pendapatan pembangunan



sebanyak RM29.16 juta (2011 : RM30.54 juta) dan pendapatan penyelidikan sebanyak RM1.37 juta (2011 : RM0.62 juta).



Carta 3 : Perbandingan Sumber Pendapatan Universiti

Sebanyak RM127.31 juta (2011 : RM127.61 juta) telah dibelanjakan yang merangkumi perbelanjaan mengurus berjumlah RM95.47 juta (2011 : RM69.81 juta), perbelanjaan pembangunan berjumlah RM31.61 juta (2011 : RM57.66 juta)

dan perbelanjaan penyelidikan berjumlah RM0.23 juta (2011 : RM0.14 juta). Perbelanjaan terbesar adalah perbelanjaan mengurus iaitu 74.99% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan.




Carta 4 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Universiti



KUMPULAN WANG MENGURUS

Peruntukan mengurus yang diterima daripada kerajaan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM89.10 juta yang merangkumi peruntukan asal berjumlah RM63.00 juta (2011 : RM63.00 juta) dan peruntukan tambahan yang berjumlah RM26.10 juta (2011 : RM6.29 juta) iaitu peningkatan sebanyak RM19.81 juta (28.59%) berbanding jumlah yang diterima pada tahun 2011 iaitu

sebanyak RM69.29 juta. Pemberian kerajaan merupakan 90.36% daripada jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Mengurus iaitu sebanyak RM98.61 juta (2011 : RM73.52 juta). Manakala 8.61% adalah hasil daripada yuran pengajian berjumlah RM8.49 juta (2011 : RM3.60 juta) dan 1.03% adalah pendapatan lain berjumlah RM1.02 juta (2011 : RM0.63 juta).





Carta 5 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus



Carta 6 : Perbandingan Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Mengurus

Perbelanjaan mengurus bagi tahun 2012 yang berjumlah RM95.47 juta telah meningkat sebanyak RM25.66 juta (36.75%) berbanding tahun 2011 yang berjumlah RM69.81 juta. Perbelanjaan ini merangkumi emolumen sebanyak RM39.45 juta (2011 : RM27.98 juta), perkhidmatan & bekalan sebanyak RM44.31 juta (2011 : RM32.82 juta), pemberian & kenaaan bayaran tetap sebanyak

RM2.69 juta (2011 : RM2.02 juta), perolehan hartanah, loji & peralatan RM7.78 juta (2011 : RM3.60 juta), bayaran projek dalam kemajuan RM1.00 juta (2011 : RM3.12 juta) dan perbelanjaan lain RM0.24 juta (2011 : RM0.27 juta). Perbelanjaan ke atas perkhidmatan & bekalan merupakan perbelanjaan yang terbesar iaitu 46.41% daripada jumlah keseluruhan perbelanjaan mengurus.




Carta 7 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Kumpulan Wang Mengurus



KUMPULAN WANG PEMBANGUNAN

Peruntukan pembangunan yang diterima pada tahun 2012 ialah berjumlah RM28.81 juta iaitu pengurangan sebanyak RM1.09 juta (3.65%) berbanding tahun 2011 sebanyak RM29.90 juta. Peruntukan yang diterima adalah terdiri daripada RM24.81 juta (2011 : RM3.60 juta) bagi *Development Expenditure (DE)* dan RM4.00 juta

(2011 : RM26.30 juta) bagi *Private Finance Initiative (PFI)*. Manakala pendapatan lain berjumlah RM0.35 juta (2011 : RM0.64 juta) adalah daripada keuntungan simpanan tetap. Jumlah keseluruhan pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan pada tahun 2012 adalah sebanyak RM29.16 juta (2011 : RM30.54 juta).




Carta 8 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan



Carta 9 : Perbandingan Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Pembangunan

Perbelanjaan pembangunan bagi tahun 2012 berjumlah RM31.61 juta iaitu pengurangan sebanyak RM26.05 juta (45.18%) berbanding RM57.66 juta pada tahun 2011. Perbelanjaan pembangunan adalah terdiri daripada bayaran projek dalam kemajuan sebanyak

RM24.77 juta (2011 : RM57.66 juta) dan perolehan hartanah, loji & peralatan sebanyak RM6.84 juta. Pada tahun 2011 tiada perolehan bagi hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan.




Carta 10 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Kumpulan Wang Pembangunan



KUMPULAN WANG PENYELIDIKAN

Peruntukan penyelidikan yang diterima daripada kerajaan berjumlah RM1.37 juta pada tahun 2012 iaitu peningkatan sebanyak RM0.75 juta (120.97%) berbanding peruntukan yang diterima pada tahun 2011 berjumlah RM0.62 juta. Peruntukan penyelidikan adalah terdiri daripada 'Fundamental Research Grant Scheme' (FRGS) sebanyak RM0.10 juta (2011 : RM0.58 juta) dan 'Exploratory Research Grant Scheme' (ERGS) sebanyak RM0.01 juta (2011 : RM0.04 juta).

Manakala peruntukan penyelidikan bagi 'Knowledge Transfer Programme Grant' (KTPG) sebanyak RM0.29 juta, 'Research Acculturation Collaboration Effort' (RACE) sebanyak RM0.24 juta, 'Long Term Research Grant Scheme' (LRGS) sebanyak RM0.34 juta dan 'Research Acculturation Grant Scheme' (RAGS) sebanyak RM0.39 juta. Pada tahun 2011, tiada peruntukan penyelidikan diterima bagi KTPG, RACE, LRGS dan RAGS.





Carta 11 : Perbandingan Pendapatan dan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan



Carta 12 : Perbandingan Sumber Pendapatan Kumpulan Wang Penyelidikan

Perbelanjaan penyelidikan bagi tahun 2012 adalah berjumlah RM0.23 juta iaitu peningkatan sebanyak RM0.09 juta (64.29%) berbanding perbelanjaan pada tahun 2011 berjumlah RM0.14 juta. Perbelanjaan penyelidikan adalah terdiri daripada emolumen sebanyak RM0.002 juta (2011 : RM0.006 juta), perkhidmatan & bekalan

sebanyak RM0.213 juta (2011 : RM0.132 juta), pemberian & kenaikan bayaran tetap sebanyak RM0.005 juta (2011 : RM0.002 juta) dan perolehan hartanah, loji & peralatan sebanyak RM0.01 juta. Pada tahun 2011, tiada perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Penyelidikan.




Carta 13 : Perbandingan Pecahan Perbelanjaan Kumpulan Wang Penyelidikan

HARTANAH, LOJI DAN PERALATAN

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan adalah sebanyak RM14.72 juta iaitu peningkatan sebanyak RM10.93 juta (288.39%) berbanding perolehan pada tahun 2011 yang berjumlah RM3.79 juta. Perolehan hartanah, loji & peralatan adalah merangkumi perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Mengurus sebanyak RM7.78 juta (2011 : RM3.60 juta). Manakala perolehan


hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan dan Penyelidikan masing-masing berjumlah RM6.84 juta dan RM0.01 juta. Pada tahun 2011, tiada perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Kumpulan Wang Pembangunan dan Penyelidikan. Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan bagi Tabung dan Akaun Amanah adalah sebanyak RM0.09 juta (2011 : RM0.19 juta).



Carta 14 : Perbandingan Pecahan Perolehan Hartanah, Loji dan Peralatan (Kumpulan Wang)

Jumlah perolehan hartanah, loji & peralatan terdiri daripada perolehan bangunan & pembaikan bangunan berjumlah RM8.20 juta (2011 : RM0.05 juta), kemudahan & pembaikan kemudahan berjumlah RM0.93 juta, kenderaan & jentera

